

DR.23.4.98

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGKAL KEEMPAT
Fourth Session
MESYUARAT PERTAMA
First Meeting

Jilid IV	Bil. 17	Hari Khamis	23 April 1998
----------	---------	-------------	---------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
(Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) (No.2) 1997 (Ruangan)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

Yang Berhormat Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)

“ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)

Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)

“ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)

“ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)

“ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)

“ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

“ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)

“ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)

“ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

“ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

“ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)

“ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)

“ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)

“ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

“ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)

“ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)

“ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)

“ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

“ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)

“ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)

“ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)

“ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)

“ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)

“ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)

“ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

“ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)

“ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

“ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)

“ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

“ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

“ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)

Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)

- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N.,
A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A.,
S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T.
(Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S.,
A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P.
(Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K.
(Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S.
(Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M.,
P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu
Langat)

Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)

- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)

Yang Berhormat Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)

- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)

Yang Berhormat Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)

- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)

Yang Berhormat Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)

- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)

Yang Berhormat Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P.
(Machang)

- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M.
(Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang
Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K.
(Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir
Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K.,
K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan,
P.S.D., J.S.D., K.M.N.

Pemangku Ketua
Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat
Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha : Puan Nor Hayatee binti Abdullah
: Haji Mustafa bin Abdul Rahman
: Puan Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,
P.P.N.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Hajah Supiah binti Dewak
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 23 April 1998

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat
Tuan Robert Lau Hoi Chew.

[Soalan No. 1 - Y.B. Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu] tidak hadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat
Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad.

*[Soalan No. 2 - Y.B. Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad [Lipis] tidak
hadir]*

**KESESAKAN LALU LINTAS DI KUALA LUMPUR -
PEMBINAAN LALUAN ALTERNATIF**

3. **Dr. Lee Chong Meng [Bukit Bintang]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah ada perancangan tertentu bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas di Bandaraya Kuala Lumpur umpamanya dengan membina laluan alternatif dan sebagainya. Jikalau tidak apakah ada perancangan yang lain bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan telah meluluskan pelaksanaan beberapa projek infrastruktur jalan bertujuan untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di Bandaraya Kuala Lumpur. Projek infrastruktur jalan yang sedang dilaksanakan di Kuala Lumpur bolehlah dibahagikan dalam empat kategori seperti berikut:-
- (i) projek infrastruktur yang dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL);
 - (ii) projek infrastruktur yang dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan yang lain;
 - (iii) projek infrastruktur jalan dilaksanakan melalui penswastaaan; dan
 - (iv) projek infrastruktur jalan yang dilaksanakan oleh pemaju swasta.

Projek-projek utama infrastruktur jalan yang sedang dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya meliputi:-

- (i) pembinaan persimpangan bertingkat tiga di Jalan Tun Razak yang merupakan sebahagian Jalan Lingkaran Tengah 1 di persimpangan dengan Jalan Bukit Bintang/Jalan Ampang dan Jalan Semarak;
- (ii) pelebaran Jalan Ampang dari Jalan Yap Kwan Seng ke Jalan Tun Razak bertujuan menampung tambahan isi padu lalu lintas dari pembangunan di kawasan KLCC; dan
- (iii) membina semula jambatan di empat jambatan di Pusat Bandaraya Kuala Lumpur iaitu Jalan Raja menyeberangi Sungai

Gombak/Jalan Parlimen menyeberangi Sungai Gombak, Jalan Sultan Sulaiman menyeberangi Sungai Klang dan Jalan Segambut menyeberangi Sungai Batu.

Tujuan projek-projek ini ialah melicinkan lalu lintas di kawasan jambatan-jambatan tersebut yang didapati sempit dan merupakan sebagai bottleneck, dengan izin, kepada lalu lintas.

Di samping itu, kerajaan sedang melaksanakan projek pembinaan sebahagian Jalan Lingkaran Tengah II di sektor utara dan timur, manakala di sektor selatan dan barat sebagai Lebuhraya Shah Alam di sektor selatan dan Lebuhraya Damansara/Puchong di sektor barat telah diswastakan.

Pihak kerajaan telah mengamalkan dasar penswastakan untuk mengurangkan bebanan kewangan dalam usaha untuk mempercepatkan pembangunan projek-projek infrastruktur jalan. Terdapat tujuh batang jalan telah memulakan pungutan tol dan lima batang jalan dalam pembinaan dan tujuh diluluskan diswastakan tetapi kerja-kerja pembinaan belum dimulakan.

Selain dari pembinaan projek-projek infrastruktur jalan oleh pihak kerajaan, pembangunan projek mega juga dikenakan syarat-syarat dalam perintah pembangunannya untuk menaiktarafkan infrastruktur jalan di sekitar kawasan projeknya bertujuan penyuraian lalu lintas.

- (b) Beberapa usaha telah dan sedang dijalankan/diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di

sekitar Bandaraya Kuala Lumpur. Langkah-langkah jangka pendek untuk mengatasi masalah kesesakan ibu kota Kuala Lumpur adalah:-

- (i) menghapuskan semua ruang letak kereta atas reserve jalan di seluruh pusat bandar berperingkat-peringkat supaya tidak menggalakkan para pengguna membawa kenderaan bersendirian ke dalam pusat bandar;
- (ii) menambah caj bayaran letak kereta untuk tidak menggalakkan kemasukan kereta ke pusat bandar. Penambahan ini telah ditangguhkan bayarannya;
- (iii) mengadakan skim sistem sehala di jalan-jalan yang mengalami kesesakan lalu lintas yang teruk;
- (iv) menambahkan laluan pejalan kaki dan mengadakan siarkaki yang lebih selesa untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam dan mewujudkan skim pengurusan lalu lintas contra-flow iaitu pertukaran arah pergerakan lalu lintas bagi lorong yang tertentu mengikut laluan trafik yang bertambah pada waktu pagi dan petang, umpamanya di Jalan Loke Yew dan di Jalan Parlimen.

Langkah-langkah jangka panjang untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur:-

- (i) membina jejambat seperti yang dikatakan tadi, sebanyak sembilan buah jejambat baru telah dibina yang merupakan penambahan kepada 55 buah yang sedia ada;
- (ii) mewujudkan skim pengurusan traffic area road pricing di pusat bandar selepas semua kemudahan pengangkutan awam dapat dilengkapkan;
- (iii) memindah pembangunan keluar dari Kuala Lumpur;
- (iv) menambahkan laluan sistem LRT selain daripada sistem PRT, STAR dan PUTRA untuk meliputi kawasan-kawasan yang lain yang tidak dilayaninya;
- (v) membangunkan kemudahan terminal di pinggir Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk perkhidmatan bas ekspres; dan
- (vi) menambah perkhidmatan bas feeder di semua stesen Sistem Transit Ringan (LRT) dan perkhidmatan kereta api komuter.

Dr. Lee Chong Meng: Tuan Yang di-Pertua, semua Ahli Parlimen di Dewan yang mulia ini sedar bahawa keadaan lalu lintas di Kuala Lumpur sangatlah serius, pagi ini saya pergi ke kawasan Masjid India dan kawasan itu sangatlah bermasalah.

Jadi, soalnya, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa projek-projek monorel atau ERL telah diperlambatkan dan ini akan menjejaskan rancangan penyelesaian kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur sebelum tahun 2000. Seperti yang telah saya cadangkan di Dewan yang mulia

ini pada bulan Mac tahun ini, adakah persetujuan untuk mewujudkan satu Jawatankuasa Khas Lalu Lintas Wilayah Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri dengan wakil-wakil dari pihak profesional seperti town planner atau NGO atau persatuan-persatuan profesional yang berpengalaman tentang lalu lintas dan jawatankuasa khas ini bolehlah dipengerusikan oleh Datuk Bandar dan cadangan dari ahli jawatankuasa khas ini bolehlah diluluskan dan dilaksanakan oleh pihak DBKL.

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Yang di-Pertua, pertama saya hairan mengapa pergi Masjid India? *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Sembahyang!

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Sembahyang? Sebenarnya, berkenaan dengan kesesakan itu ialah oleh kerana PRT sekarang agak tergendala dan keputusan belum lagi dibuat oleh kerajaan untuk menyelesaikan. Walau bagaimanapun, bagi pihak DBKL kita akan mengangkat dan menyelesaikan masalah LRT ini terutama sekali divider dan sebagainya sehabis lambat pada penghujung bulan Jun ataupun awal bulan Julai kita akan buka semua yang tidak siap itu supaya lorong-lorong yang sekarang ini tersekat dapat berjalan.

Yang kedua, berkenaan dengan jawatankuasa khas, pada ketika ini jawatankuasa khas memang ada dan bermesyuarat mengikut masa ke semasa yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar sebagai Timbalan Perdana Menteri, beliau telah mempengerusikan jawatankuasa khas tentang jalan-jalan kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur ini termasuk pemantauan jalan-jalan yang belum siap dan yang akan dijalankan dan termasuk juga bagaimana kita dapat memanfaatkan keseluruhannya sistem pengangkutan awam di Kuala Lumpur ini, memang telah ada. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri dengan panjang lebar telah menerangkan kepada Dewan yang mulia ini

langkah-langkah untuk mengatasi kesesakan lalu lintas. Namun demikian, ramai orang berpendapat besar mana pun jalan dibuat, jejantas mana pun akan ditambah, namun demikian kesesakan jalan ini akan tetap berlaku. Tadi Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri ada mengatakan tentang road pricing, adakah perlu kita tunggu dahulu untuk hendak mengawal kemasukan kenderaan, tempat-tempat tertentu dalam bandaraya kita ini.

Kadang-kadang ada tempat-tempat yang kenderaan itu tidak perlu pergi tetapi mereka masih pergi, bermakna adakah kerajaan hendak menimbangkan perkenalkan sistem road pricing ini sekarang kepada kawasan tertentu kerana pengangkutan awam itu telah bertambah baik, mengapa tidak diperkenalkan sekarang sehingga menunggu semua projek-projek besar seperti LRT, PUTRA, monorel ini siap. Saya minta sedikit penjelasan Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri.

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Yang di-Pertua, saya lebih pesimistik daripada Yang Berhormat dari Rompin. Ahli Yang Berhormat dari Rompin agak pesimistik, dia kata semua yang dilaksanakan pun tidak boleh selesai, saya berpendapat kalau kita laksanakan semua langkah dan tindakan tadi sedikit sebanyak dapat menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur ini.

Tetapi yang mustahaknya tentang area pricing, memang betul ada tempat-tempat yang tidak perlu kereta masuk tetapi boleh masuk, yang mustahak sekarang ini ialah kita cuba meletakkan semua sistem lalu lintas di Kuala Lumpur ini diselesaikan dahulu, misalnya LRT, MRT, pengangkutan bas dan sebagainya, kita tidak boleh membiarkan orang awam tidak boleh membawa masuk kereta ke dalam Kuala Lumpur, kemudian tidak ada kereta lain untuk masuk ke Kuala Lumpur, jadi, dia tinggalkan keretanya di rumah, dia hendak berjalan ke Kuala Lumpur, jadi kita kena siapkan semuanya dahulu. Mungkin ada tempat yang sekarang ini boleh tetapi ia tidak ada sambungan

kepada tempat yang lain, mungkin di tengah-tengah Kuala Lumpur itu juga tidak diperlukan membawa masuk kereta, tetapi di tengah Kuala Lumpur dengan kawasan lain itu tidak ada hubungan dengan pengangkutan awam seperti LRT atau bas, sebab itu pada ketika ini kita tunggu dahulu road pricing ini sehingga semua 'in place', barulah kita laksanakan kemudian. Area road pricing ini kita kena bayarlah bila hendak masuk ke Kuala Lumpur.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan.

[Soalan No. 4 - Y.B. Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan [Keningau] tidak hadir]

RUMAH KOS RENDAH - KOMITMEN KERAJAAN NEGERI

5. **Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim [Sabak Bernam]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:-

- (a) bagaimanakah prestasi dan komitmen kerajaan negeri dalam menyediakan perumahan rakyat (kos rendah); dan
- (b) adakah kementerian mengambil apa-apa langkah agar pihak tertentu memandang tanggungjawab penyediaan perumahan demikian lebih serius demi menjamin agar pelaksanaan yang lebih mapan dan berkesan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan bahagian:-

- (a) Kerajaan telah menetapkan sasaran sebanyak 235,000 unit rumah kos rendah dibina dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Dari tahun 1996 hingga tahun 1997 sebanyak 42,051 unit rumah kos rendah telah siap dibina. Peratus pencapaian bagi rumah kos rendah yang siap dibina mengikut negeri adalah pelbagai dan peratusnya berbeza-

beza, tetapi keseluruhannya angka atau peratusnya ialah 21.3% daripada jumlah yang disasarkan untuk Rancangan Malaysia Ketujuh.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya hanya hendak baca empat atau lima negeri yang dapat mencapai prestasi yang tertinggi dari peratusannya iaitu:

Negeri	Pencapaian [%]
Pahang	- 47.34
Johor	- 41.77
Melaka	- 40.80
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	- 39.93

Yang lain itu agak kurang daripada 30%. Sekian.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari perangkaan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi nyatalah bahawa pada keseluruhannya pencapaiannya tidaklah begitu menggalakkan sangat dan salah satu dari usaha yang pernah disebut untuk menggalakkan pembinaan rumah kos rendah ini ialah penyertaan sektor swasta dan anehnya sektor swasta tidak begitu berminat untuk menyertai sektor ini kerana ia membuat pulangan yang tertinggi dan ada cadangan satu masa dahulu untuk meningkatkan siling harga rumah kos rendah ini kepada lebih kurang RM35,000 satu unit berbanding dengan siling yang diadakan sekarang iaitu sebanyak RM25,000.

Jadi, saya ingin tahu apakah perkembangan terakhir tentang cadangan ini dan sama ada kerajaan benar-benar serius untuk meningkatkan siling ini. Terima kasih.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tadi saya belum habis membaca jawapan saya untuk bahagian (b). *[Ketawa]* Minta maaf! Izinkan saya bacakan jawapan untuk bahagian (b).

- (b) Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah bagi mempercepatkan bekalan rumah kos rendah dengan merangka strategi program dan mengadakan penyelarasan bagi agensi-agensinya yang terlibat dalam industri perumahan. Kerajaan telah menubuhkan Syarikat Perumahan Negara yang dipertanggungjawabkan membeli dan menjual rumah kos rendah kepada golongan sasaran. SPN juga akan dikehendaki mengambil peranan dalam usaha pengawalan kualiti dan rancangan persekitaran. Kewujudan SPN akan juga dapat memudahkan pemaju dalam urusan pemilihan dan juga pembayaran kos rumah-rumah murah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat tadi, saya ingin jelaskan di sini pihak swasta memang terlibat dalam pembinaan rumah kos rendah sejak beberapa tahun yang dahulu. Sebenarnya dalam sasaran yang ditetapkan dalam RMK-7 ini pihak swasta dipertanggungjawabkan untuk membina dari segi rumah kos rendah ialah 327,000 iaitu lebih banyak lagi daripada agensi-agensinya kerajaan atau sektor awam.

Oleh sebab itu, mereka diberi satu target atau sasaran untuk dicapai dan pihak swasta juga dalam syarat-syarat dalam sesuatu pemajuan dikehendaki membina rumah kos rendah mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh negeri-negeri berkenaan, ada negeri 40% dari jumlah rumah-rumah yang dibina dan ada juga yang kurang daripada itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cara atau satu cadangan untuk mengubah atau mengkaji lagi semula rumah kos rendah atau harga rumah kos rendah, usaha ini memang sebenarnya sudah dijalankan dan satu laporan

sudah diterima oleh kementerian tetapi apabila kita kaji balik, kementerian merasa buat masa sekarang adalah bukan masa untuk menambahkan harga rumah kos rendah ini. Sebenarnya kos itu sudah dikaji dan ada cadangan untuk menambahkan kos atau kos minimumnya tetapi buat masa sekarang, kementerian saya belum ingin hendak membentangkan perkara ini kepada Jemaah Menteri supaya perkara ini diambil kira kerana kegawatan ekonomi sekarang bukanlah masa yang sesuai untuk kos rumah rendah ini ditambahkan.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa pihak kementerian tidak bercadang untuk melaksanakan harga baru bagi rumah kos rendah, kos asalnya RM25,000, walaupun keadaan begitu, ini adalah keputusan kementerian tetapi dalam ura-ura untuk meningkatkan harga itu bagaimanakah agaknya respond dari pihak swasta setelah harga ini akan dinaikkan melebihi dari RM35,000, kalau dahulunya alasan RM25,000 nampaknya untung cukup marginal, cukup nipis tetapi setelah kemungkinan akan dinaikkan RM35,000 bagaimanakah agaknya respond yang mungkin didapati setelah kajian dibuat oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pihak swasta ini memang minta kita mengkaji harga rumah kos rendah ini kerana alasan dari mereka ialah seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi keuntungan itu agak tidak baik atau keuntungan itu sangat nipis atau kadangkala mereka tidak dapat untung sama sekali dan kenalah mengadakan satu cara subsidi silang supaya mereka boleh meneruskan pemajuan mereka.

Oleh sebab itu, kita sudah mendapatkan feedback daripada pihak swasta ini dan sepertimana yang saya sebutkan tadi, kementerian ini rasa masa sekarang bukanlah satu masa yang sesuai untuk menghantarkan laporan ini kepada Jemaah Menteri untuk membuat satu keputusan, tetapi saya rasa kalau ekonomi kita bertambah baik dalam masa yang akan datang maka kita boleh

menimbangkan perkara ini supaya pihak Jemaah Menteri boleh dimaklumkan dan membuatkan satu keputusan.

PEMBINAAN KERINCHI LINK - MENJEJASKAN KEHARMONIAN MASYARAKAT

6. **Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah [Pengkalan Chepa]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada beliau sedar dan telah mengambil kira bahawa walaupun Masjid Ar-Rahman kemungkinan tidak dirobohkan, untuk memberi laluan kepada Kerinchi Link, bukan sahaja akan menimbulkan kebisingan yang menjejaskan keharmonian suasana kampus dan peribadatan di masjid yang terlibat, tetapi juga adalah menjejaskan jalinan dan hubungan rapat masyarakat kampus dengan masyarakat setempat.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya jelaskan semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Krai pada 2 April 1998 yang lalu berkaitan dengan bantahan dari pelbagai pihak yang berkepentingan seperti pihak Universiti Malaya, Jawatankausa Masjid Ar-Rahman dan rungutan penduduk kawasan persekitaran, kerajaan telah mengadakan beberapa siri rundingan mesyuarat dengan syarikat konsesi Sistem Penyuraian Trafik Kuala Lumpur Barat (SPRINT) bagi membincangkan alternatif-alternatif yang lebih sesuai mengenai penjajaran semula, dengan izin, the realignment process Kerinchi Link bagi mengelakkan jajaran merenstasi Universiti Malaya.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan alternatif ini mengambil kira pandangan-pandangan semua pihak yang terbabit termasuklah masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Berkaitan dengan masalah kebisingan yang mungkin berlaku, suka saya menjelaskan di sini bahawa pihak syarikat konsesi akan memasang penghadang, dengan izin, noise barrier, untuk mengurangkannya. Ianya dijangka dapat mengelakkan suasana pembelajaran yang tenteram kepada penuntut dan aktiviti peribadatan di Masjid Ar-Rahman.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan alternatif projek telah dikemukakan kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan. Kerajaan telah bersetuju supaya jajaran Kerinci Link dibina di luar pintu masuk Universiti Malaya iaitu melibatkan pembinaan sebuah lebuh raya yang mempunyai selekoh yang agak tajam di luar pintu masuk Universiti Malaya yang mungkin akan menjejaskan keselesaan pengguna lebuh raya tersebut.

Dalam keadaan ini reka bentuk kejuruteraan berkaitan kelajuan lebuh raya tersebut perlu diubahsuai untuk mengurangkan had kelajuan kenderaan kepada 60 kilometer sejam. Di samping itu jajaran ini akan melalui padang boleh sepak Institut Bahasa yang perlu diubahsuai, penjajaran semula Kerinci Link dijangka akan melibatkan tambahan kos sebanyak RM30 juta.

Tuan Yang di-Pertua, jajaran baru yang dicadangkan telah diterima oleh semua pihak yang terbabit termasuk pihak pentadbiran Universiti Malaya dan Institut Bahasa dalam perundingan yang telah diadakan di Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun cadangan alternatif baru ini mempunyai selekoh yang merbahaya, perkara ini boleh diatasi dengan mengadakan papan tanda jalan untuk mengurangkan kelajuan kenderaan di situ. Selekoh ini akan berada berhampiran dengan persimpangan bertingkat dan kenderaan yang lalu di situ akan bergerak dengan had laju yang rendah.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan kos tambahan, pihak SPRINT memaklumkan bahawa mereka bersedia menyerahkan kos tambahan yang dianggarkan sebanyak RM30 juta tanpa menuntut bayaran ganti rugi daripada Kerajaan Pusat.

Tuan Kamarudin bin Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kepada penjajaran semula ini adalah

berhadapan dengan pintu masuk Univerisiti Malaya, maka sudah tentu akan juga dihadapi kesusahan kepada penuntut dan orang-orang yang tinggal di persekitaran. Menyedari bahawa setiap pembangunan perlu ada pengorbanan, maka saya percaya mesti ada tolak ansur daripada pihak yang bakal menggunakan jalan dengan pihak yang memegang konsesi. Adakah pihak kementerian bersedia untuk mengadakan rundingan dengan pihak yang memegang konsesi agar pelajar-pelajar ataupun mahasiswa, pensyarah, kakitangan dan mereka yang tinggal di kawasan kampus itu tidak dikenakan tol sebagai balasan kepada rasa tanggungjawab mereka.

Dato' Seri S. Sammy Velu: Tuan Yang di-Pertua, seorang yang paling miskin dari kampung pun kena bayar juga. *[Ketawa]* Jadi, saya percaya mereka yang melalui jalan itu ke universiti dikecualikan daripada bayaran tol saya percaya tidak boleh berlaku.

Yang kedua, jajaran jalan ini sudah dibincang dengan beberapa pihak. Mereka semua bersetuju tetapi di luar mesyuarat itu mereka beri pandangan yang lain. Jikalau kerajaan perlu mendapat pandangan daripada tiap-tiap rakyat jelata untuk membina jalan raya di negara ini, saya percaya kita tidak boleh bina apa-apa jalan raya.

Yang ketiga, jika kita mahu juga kebenaran daripada penuntut-penuntut Universiti Malaya, habislah kemajuan negara ini. *[Ketawa]* Jadi, saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat, keputusan telah dibuat oleh Jemaah Menteri satu minggu yang lalu itu setelah mengambil kira semua pandangan yang telah dikeluarkan oleh pihak-pihak bertanggungjawab. Jadi, saya percaya jalan ini tidak digunakan oleh penuntut oleh kerana jalan ini di atas, dia jalan bawah. *[Ketawa]* Mengapa dia bayar tol, dia tidak payah bayar tol, dia bukan guna jalan itu. Jalan ini ialah untuk mengatasi masalah Lebuhraya Persekutuan (Federal Highway) di mana tiap-tiap jam kita ada 34,300 kenderaan. 34,300

kenderaan semuanya ke arah Jalan Syed Putra sahaja. Jadi, kerajaan mesti mengambil satu keputusan untuk mengatasi masalah ini.

Baru sahaja Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah membangkitkan berkenaan dengan kesesakan lalu lintas. Saya minta dan merayu kepada Ahli Yang Berhormat jikalau ada juga apa-apa bantahan daripada mana-mana pihak, semuanya kita sudah timbang. Apa yang saya mahu sekarang ialah sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk melaksanakan projek ini.

Beberapa Ahli: Sokong.

SKIM RUKUN TETANGGA- JUMLAH BEROPERASI

7. **Tuan Lim Siang Chai [Petaling Jaya Selatan]** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan :

- (a) jumlah skim Rukun Tetangga yang masih beroperasi di negara; dan
- (b) sama ada kementerian masih menyifatkan aktiviti Rukun Tetangga ini berfaedah. Kalau ya, adakah aktiviti ini akan diperluaskan ke kawasan yang memerlukannya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Tuan G. Palanivel]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya Selatan:

- (a) Rukun Tetangga yang beroperasi di seluruh negara sehingga akhir bulan Februari tahun ini ialah 1,793.
- (b) Kementerian berpendapat Rukun Tetangga akan terus berfaedah dan dengan itu RT akan diperluaskan ke kawasan yang memerlukannya dari masa ke semasa.

Tuan Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, seperti kita semua sedia maklum bahawa masalah sosial daripada pekerja asing semakin bertambah.

Adakah kementerian akan memberi kuasa, dengan izin, enforcement power dan juga teknik operasi cara baru kepada Ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga supaya mereka boleh beroperasi dengan lebih efektif?

Tuan G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, kementerian memberi beberapa latihan kepada AJK Rukun Tetangga di seluruh negara dan dalam bidang ini pun kementerian akan memberi latihan kepada mereka untuk memastikan bahawa mereka menjalankan tanggungjawab mereka dengan sempurna.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kuasa diberi kepada ahli-ahli Rukun Tetangga untuk menahan penunggang-penunggang motosikal atau pemandu-pemandu kenderaan dengan tiada diiringi oleh pihak polis dan juga papan tanda pemeriksaan. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu kuasa dan tanggungjawab yang ada pada ahli-ahli RT ini.

Tuan G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, kementerian tidak memberi apa-apa kuasa kepada ahli-ahli Rukun Tetangga menahan mereka yang tidak mematuhi peraturan lalu lintas. Ini di bawah bidang kuasa polis.

PUSAT HIBURAN DAN VIDEO – MENGENAKAN HUKUMAN LEBIH KERAS DAN TEGAS

8. **Puan Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan tentang selain dari hukuman dalam bentuk denda yang tinggi dan rampasan barangan permainan video, adakah pihak kementerian bercadang mengenakan hukuman yang lebih keras dan tegas, sebagai contoh dalam bentuk penjara dan sebatan kepada pengusaha-pengusaha pusat hiburan dan video ini yang masih engkar, memandangkan tindakan yang diambil oleh pihak polis dan berkuasa tempatan selama ini seolah-olah tidak diendahkan, bahkan hingga ke tahap mengugut sepertimana yang berlaku di Selangor pada tahun lalu.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]: Tuan Yang Dipertua, permainan video adalah dilesenkan di bawah Enakmen Hiburan yang dikuatkuasakan oleh kerajaan-kerajaan

negeri. Adalah menjadi tanggungjawab kerajaan negeri untuk menentukan jenis-jenis hukuman yang sesuai dan setimpal diperuntukkan di dalam Enakmen Hiburan masing-masing bagi mengawal mereka yang menyalahi peraturan-peraturan permainan video yang ditetapkan itu.

Sehubungan dengan ini Kerajaan Negeri Selangor sememangnya telah mengkaji untuk mengenakan peruntukan yang lebih berat kepada pengusaha-pengusaha pusat permainan video terutama pengusaha-pengusaha yang beroperasi secara haram di negeri itu.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Seperti yang kita sedia maklum, pusat-pusat permainan video ini kadang-kadang telah menjadi pusat-pusat di mana anak-anak muda melepak, anak-anak muda terlibat dengan dadah dan sebagainya. Jadi, kita sudah tahu benda ini tidak mendatangkan manfaat, hanya menguntungkan golongan-golongan yang menjalankan perniagaan video ini. Adakah kerajaan bercadang untuk menimbang semula supaya kedai-kedai permainan video ini ditutup sahaja kerana ia tidak langsung mendatangkan manfaat.

Lagi pun sekarang ini di rumah banyak orang sudah ada komputer, anak-anak boleh menggunakan komputer selain daripada melepak di kedai-kedai video. Jadi, adakah pihak kementerian bercadang untuk menasihati ataupun menggubal undang-undang supaya kedai video ini ditutup dan kalau pun tidak boleh ditutup adakah kerajaan bercadang supaya tempat-tempat kedai video ini perlu lebih terbuka. Jangan ada cermin-cermin gelap dan sebagainya. Ini tidak sihat. Adakah pihak kementerian bercadang untuk memikirkan benda ini?

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak ada cadangan untuk menutup pusat-pusat video kerana masalah yang dihadapi adalah masalah-masalah dalam kawasan bandar besar sahaja. Jadi, di tempat-tempat lain di bandar-bandar kecil tidak begitu ketara masalahnya.

Walau bagaimanapun, setiap kerajaan negeri telah diminta mengkaji semula dari segi hukuman dan dendaan yang perlu dan setimpal dengan kesalahan yang dilakukan oleh pusat-pusat video dan di pihak kementerian juga kita sedang mengkaji untuk mengadakan satu Enakmen Hiburan yang seragam bagi semua negeri tetapi pada ketika ini masih dalam kajian. Sementara itu, kerajaan-kerajaan negeri diminta mengadakan undang-undang sendiri.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa selain daripada undang-undang yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, penguatkuasaan adalah sangat lemah sehingga pelajar-pelajar memasuki arked-arked video ini dan bukan sahaja di bandar-bandar besar, di kampung-kampung baru pun ada dan bila pihak penguatkuasaan datang memang mereka menyita dan merampas mesin-mesin tetapi walau bagaimanapun, mesin-mesin itu tidak berguna juga kerana yang dirampas itu tidak ada software di dalam dan daripada zahirnya nampak sebagai rampasan tetapi pada hakikatnya tidak kerana software itu sudah diambil keluar. Ini masalah kita nampak di balai-balai polis dan sebagainya, nampaknya ada penyitaan, rampasan mesin-mesin dan sebagainya, wah, itu memang penguatkuasaan yang baik tetapi sebenarnya tidak berhasil. Bolehkah Yang Berhormat

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Merapu sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Chenderoh dia memang cenderung kepada hal seumpama ini. *[Ketawa]* Bolehkah Yang Berhormat mengkaji masalah seumpama ini kerana memang sudah menimbulkan masalah di banyak tempat?

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat dari Kepong memang peka dengan masalah ini. Mungkin dia juga menjadi penontonnya. *[Ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat tentang keprihatinan. Sememangnya ini disedari oleh kerajaan dan dalam bulan April

ini sebuah kerajaan negeri iaitu Kerajaan Negeri Selangor bercadang untuk mengemukakan pindaan kepada akta yang ada iaitu Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan di Negeri Selangor 1995 bertujuan untuk memberi kuasa yang lebih mengukuhkan lagi kuasa-kuasa kepada pegawai-pegawai pelesen polis dan orang-orang yang diberi kuasa di dalam penguatkuasaan undang-undang. Bermaknannya kita bertujuan untuk mencari jalan supaya undang-undang itu dapat dikuatkuasakan dengan lebih berkesan.

SUKAN KOMANWEL XVI – PENYERTAAN

9. **Tuan Hashim bin Ismail [Ledang]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan adakah kesemua negara anggota Komanwel akan menyertai Sukan Komanwel XVI dan adakah kerajaan berpuas hati dengan persiapan negara dalam semua aspek sebagai tuan rumah sukan yang kedua terbesar di dunia itu.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, buat kali ini adalah dijangkakan 65 daripada 69 negara Komanwel akan menyertai Sukan Komanwel XVI yang merupakan sukan yang kedua terbesar di dunia. Rancangan yang teratur telah diambil sejak awal lagi sebaik sahaja Kuala Lumpur telah dipilih sebagai tuan rumah pada tahun 1993. Sehingga kini segala usaha tanpa henti dijalankan terutama di dalam penyediaan venue-venue pertandingan, mencantikkan bandar dan lanskap, sistem pengangkutan yang efisien dan juga usaha mempromosikan secara meluas.

Kerajaan berpuas hati dengan kerjasama yang telah diberikan oleh semua pihak termasuklah badan-badan korporat dan swasta yang telah memberikan sumbangan dalam bentuk wang dan juga barangan bagi memastikan Kuala Lumpur '98 ini benar-benar berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi persiapan atlet pula, program latihan telah masuk ke fasa yang keempat, yang akhir, yang bermula daripada awal tahun ini. Dalam fasa ini seramai 272 orang atlet telah dikekalkan untuk latihan sepenuh

masa dan mereka ini dilatih oleh 42 orang jurulatih luar negara yang dibantu oleh 35 orang jurulatih tempatan. Berdasarkan kepada prestasi atlet negara ketika ini, kemajuan mereka yang ditunjukkan dalam sukan-sukan tertentu amatlah memuaskan. Jika pada tahun lalu hanya sukan badminton sahaja yang mempunyai kemampuan untuk memenangi pingat di Sukan Komanwel tetapi kini sukan-sukan angkat berat, menembak, gymrama dan ten pin bowling telah menunjukkan potensi untuk memenangi pingat.

Datuk Lim Si Cheng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kerajaan ataupun kementerian Yang Berhormat memang berharap supaya rakyat Malaysia juga dapat bersama-sama menjayakan Sukan Komanwel ini, jadi sambutan dari segi tempahan tiket sehingga hari ini, saya meminta penjelasan pihak kementerian sama ada sudah mendapat sambutan yang baik dari orang ramai.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, memanglah kita harapkan bahawa rakyat negara kita memberikan sokongan yang sepenuhnya kepada Sukan Komanwel XVI yang akan dianjurkan oleh negara kita. Jadi, dari segi ticketing itu kita telah membuat keputusan supaya kita memberi kemudahan kepada orang awam supaya mereka senang ataupun mudah mendapat tiket dan juga kita harapkan bahawa rakyat dari seluruh negara boleh datang ke Kuala Lumpur untuk menyaksikan Sukan Komanwel ini. Jadi, masalah ticketing ini kita masih dalam proses memyempurnakan supaya kita memberikan kemudahan yang terbaik sekali untuk rakyat menyaksikan sukan ini.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, dalam masa negara kita dilanda krisis ekonomi, adakah pihak pengurus Sukom diwajibkan untuk mengurangkan kos semacam diwajibkan untuk pihak kerajaan sendiri dan semacam apa yang berlaku di Bangkok yang menganjurkan SEA Games akhir tahun ini, mereka pun mengurangkan kos sebanyak 10% dan kalau begitu

kenapa kos menganjurkan Sukom begitu tinggi apabila budget asal ialah RM150 juta, sekarang untuk menganjurkan Sukom ialah RM2 bilion – RM1.3 bilion untuk infrastruktur dan RM300 juta untuk operating cost Sukom dan lain-lain.

Bukankah perlu satu cost-cutting exercise dan adakah ini ditekankan khasnya dari segi kepentingan negara dan kalau begitu, sebagai contoh, kenapa budget makanan atlet sehari ialah RM120 apabila tempat tinggal sudah disediakan. Apa mereka makan? Satu hari RM120 per person. Adakah ini oleh kerana di'catered'kan oleh MAS catering? MAS rugi dan mahu untung dari Sukom dan adakah ini diambil kira, [*Sorak*] jangan main-main, ini mustahak dan adakah semua aspek diambil kira, kenapa mengadakan satu shooting range berharga RM70 juta ke RM80 juga di Langkawi selepas Sukom tidak digunakan. Apa yang patut ialah upgrade shooting range di Subang RM10 juta sahaja. Adakah semua ini diambil kira untuk kepentingan negara?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan jawab setiap isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Kalau saya hendak terangkan, kalau kita mengikut perbelanjaan ataupun apa yang telah kita tetapkan dahulu, peruntukan untuk mengadakan temasya sukan yang kedua besar di dalam dunia ini adalah besar lagi tetapi sekarang ini kita telah potong, telah kurangkan perbelanjaan. Contoh, dalam peruntukan RM2 bilion yang kita belanjakan ini adalah kurang daripada asal dan sekarang ini daripada RM2 bilion ini, kita membelanjakan sebanyak 53.1 peratus iaitu RM1 bilion untuk persiapan ataupun penyediaan venue-venue pertandingan. Ini adalah penting untuk negara kita selepas Sukan Komanwel dan RM1 bilion lagi adalah perbelanjaan di bidang lain seperti penyediaan atlet kita telah kurangkan perbelanjaan daripada RM221 juta kepada RM160 juta telah dikurangkan. Untuk pembukaan dan penutupan kita telah kurangkan daripada RM40 juta kepada RM25 juta dan sebagainya, perubatan, publisiti pun telah dikurangkan

dan ini adalah penting kerana kita anggap bahawa kegawatan ekonomi adalah sekarang ini melanda negara tetapi untuk menunjukkan bahawa negara kita ini mempunyai kuasa dan kekuatan untuk menganjurkan atau mengadakan satu temasya sukan yang begitu besar di dalam dunia, ini adalah penting untuk imej negara kita. Jadi, kita akan teruskan dengan sukan ini dan kegawatan ekonomi juga tidak akan memberi kesan yang buruk sangat kepada penganjur ataupun kementerian kita dan kita yakin bahawa sukan ini akan diadakan dengan berjayanya.

PROTON – KEMEROSOTAN JUALAN

10. **Dato' Salamon bin Selamat [Shah Alam]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sejauh manakah kesan kegawatan ekonomi negara dan dasar pinjaman untuk kenderaan menjejaskan pasaran dalam negara ke atas kereta buatan tempatan terutama proton semenjak bulan Julai tahun lalu dan apakah langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang untuk mengatasi masalah tersebut. Berapa peratuskah kemerosotan jualan yang dialami oleh proton dan berapa banyakkah syarikat-syarikat pengedar kereta yang terpaksa ditutup setakat ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua, kegawatan ekonomi negara dan dasar pinjaman untuk kenderaan telah mengurangkan keupayaan membeli serta consumer confidence, dengan izin, sehinggakan kadar jualan kenderaan telah menurun secara mendadak. Pengurangan jualan bagi kereta buatan tempatan bermula pada penghujung tahun 1997 seperti berikut:

<u>Bulan</u>	<u>Jualan (Unit)</u>	<u>% Penurunan</u>
November 1997	26,164	20
Disember 1997	16,493	37
Januari 1998	9,775	41
Februari 1998	5,641	42

Pihak industri menjangka jualan kereta penumpang akan berkurangan sebanyak 60 peratus bagi tahun 1998 berbanding tahun 1997.

Bagi kereta-kereta Proton, kemerosotan jualan adalah seperti berikut:

<u>Bulan</u>	<u>Jualan (Unit)</u>	<u>% Penurunan</u>
November 1997	17,781	14
Disember 1997	10,833	39
Januari 1998	5,599	48
Februari 1998	2,587	54

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang yang diambil oleh syarikat tempatan untuk mengatasi masalah-masalah tersebut termasuklah seperti berikut:

- (i) mengurangkan harga kereta;
- (ii) memberi kelonggaran untuk membeli aksesori wajib;
- (iii) memberi aksesori optional percuma;
- (iv) mengenakan pakej servis percuma;
- (v) mengenakan subsidi bagi kadar faedah insurans percuma untuk model-model terpilih;
- (vi) melanjutkan warranty package

Dan dari pihak kerajaan pula kenaikan kadar pinjaman kereta berharga RM40,000 ke bawah daripada 70% kepada 85% yang baru diperkenalkan dijangkakan akan memperbaiki keadaan pasaran kereta dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tiada maklumat mengenai syarikat-syarikat pengedar kereta Proton yang terpaksa ditutup.

Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang dijelaskan dalam jawapan tadi, berikutan dengan adanya credit squeeze, pihak penjual-penjual kereta telah menurunkan harga kereta dan ini sebenarnya menguntungkan pengguna dalam kegawatan ekonomi ini, sementara barang-barang lain naik, harga kereta turun. Jadi, ini sebenarnya

dialu-alukan oleh para pengguna tetapi berikutan dengan langkah kerajaan yang diumumkan hari ini iaitu untuk melonggarkan kekangan kredit dan dengan sendirinya memudahkan para pembeli meminjam untuk membeli kereta, ada kemungkinan para penjual akan menaikkan balik harga kereta dan langkah ini walaupun sebenarnya bertujuan untuk menyelamatkan industri penjualan kereta ini tetapi pada jangka panjangnya mungkin ia akan merugikan para pengguna dengan para penjual akan menaikkan harga balik. Jadi, apakah langkah kementerian yang akan diambil untuk memastikan bahawa para peniaga kereta ini tidak mengambil kesempatan dari langkah kerajaan untuk melonggarkan syarat-syarat pinjaman ini.

Dato' Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu memang benar. Harga-harga yang turun itu memberi faedah kepada pengguna tetapi ini menjejaskan industri automobil. Jadi, untuk mengawal harga-harga yang akan dinaikkan itu di pihak kementerian kita ada satu jawatankuasa bagi menentukan dari masa ke semasa jikalau harga kereta dinaikkan.

Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan pasaran kereta-kereta Proton dalam negeri tidak rancak, apakah persiapan dan perancangan Proton dan EON untuk memperluas dan meningkatkan pasaran luar negara?

Dato' Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kereta-kereta di pasaran luar pun amat kompetitif, oleh sebab itu pada masa ini tidak ada apa-apa yang boleh kita buat untuk mengeksport Proton atau Produa ke negara-negara lain dengan lebih kompetitif. Tidak ada apa-apa caranya.

AIR – PEMBEKALAN

11. **Dato' Hon Choon Kim [Seremban]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) pengunjuran permintaan dan pembekalan air bagi seluruh negara sehingga tahun 2020; dan
- (b) sama ada kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu Lembaga Air untuk menyelaraskan bekalan air di semua negeri.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Railey bin Haji Jaffrey]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Seremban, unjuran permintaan bekalan air adalah berasaskan kepada unjuran pertumbuhan jumlah penduduk, permintaan air sebenar, pembangunan industri, pembangunan perumahan dan penambahan kawasan yang perlu dibekalkan air. Berdasarkan pertumbuhan purata penduduk negara pada masa kini iaitu sebanyak 2.5% setahun dan pertumbuhan purata permintaan air sebanyak 6.7% setahun, Kementerian Kerja Raya telah membuat unjuran awal bahawa jumlah kuantiti bekalan air yang diperlukan seluruh negara ialah sebanyak 39,298 juta liter sehari menjelang tahun 2020.

Pembinaan kemudahan-kemudahan bekalan air akan dibina secara berperingkat untuk menampung permintaan ini mengikut masa bekalan diperlukan. Unjuran permintaan air ini perlu dikaji semula dan dikemaskini dari masa ke semasa bagi mengambil kira perubahan-perubahan persekitaran dan hala cara pembangunan negara.

- (b) Pada dasarnya Kerajaan Persekutuan telah pun bersetuju dengan penubuhan satu Majlis Air Negara di mana fungsi utama ialah untuk menyelaraskan kegunaan dan pengagihan air di antara negeri-negeri di Malaysia. Perkara ini akan dibawa untuk dirunding dan seterusnya mendapatkan persetujuan semua

kerajaan negeri supaya Majlis Air Negara dapat ditubuhkan dalam masa yang singkat ini.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kawasan tadahan air, dengan izin, catchment area adalah satu kawasan yang amat penting untuk memastikan bahawa punca air itu tidak terjejas dan juga memandangkan kawasan tadahan air ini sentiasa dicerobohi dan juga tercemar oleh pelbagai aktiviti, jadi saya ingin tahu apa sebabnya kementerian Yang Berhormat tidak mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk merizabkan kawasan-kawasan ini dan mengambil langkah supaya mengambil alih pengurusan kawasan tadahan air ini untuk menjamin bahawa kawasan ini tidak akan tercemar.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana kita maklum bahawa air terletak di bawah bidang kuasa kerajaan-kerajaan negeri. Begitu juga kuasa tanah terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, jadi apabila tertubuhnya nanti Majlis Air Negara ini, ini akan menjadi satu tugas Majlis berkenaan untuk mengusahakan supaya perkara-perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi akan dapat kita atasi dengan secara perundingan dengan kerajaan-kerajaan negeri yang terlibat.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya apabila kita hendak mewujudkan satu lembaga air peringkat kebangsaan, adakah pihak kerajaan semestinya meminda Perlembagaan terlebih dahulu supaya pihak Kerajaan Pusat ada kuasa untuk menguruskan bekalan air dan adakah beliau sedar bahawa masalah air yang dihadapi sekarang telah membawa penderitaan yang besar dan apakah kerugian yang telah dialami ekoran daripada masalah kekurangan air dan berapa orang telah terkorban kerana krisis air sepertimana dilaporkan dalam surat khabar Cina di Negeri Sembilan – di Seremban, kawasan Yang Berhormat Seremban, ada dua orang tua yang telah meninggal

dunia. Berapa orang yang telah mati dan apakah kerugian yang akan dialami oleh pihak swasta dan pengguna?

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan tambahan daripada Yang Berhormat dari Kota Melaka. Sebenarnya kementerian saya telah pun memberi taklimat penuh kepada wakil DAP minggu lepas berhubung dengan perkembangan air ini. Seperti mana kita sedia maklum bahawa penubuhan Majlis Air Negara tidak memerlukan pindaan Perlembagaan. Pada awalnya memang apabila cadangan dikemukakan untuk menubuhkan Lembaga Air Negara, ianya mungkin perlu. Tetapi oleh kerana terdengar tentangan-tentangan daripada pihak kerajaan negeri yang berkenaan, jadi supaya tidak menimbulkan keadaan yang lebih gawat berkenaan perkara ini, kerajaan bercadang untuk menubuhkan Majlis Air Negara yang tidak menyentuh sedikit pun kuasa-kuasa air negeri, malah membantu untuk menyelaraskan pengagihan air, mencari sumber air, memberikan nasihat dan sebagainya.

Yang kedua, memang kita akui kerugian-kerugian boleh berlaku di negara kita akibat kekurangan air, terutama sekali dari segi industri-industri yang terpaksa slow down kerana kekurangan air. Tetapi pada masa kini tidak dapatlah saya mendengar mengatakan berapa banyak kerugian dan berapa banyak air yang tidak dapat diterima ataupun kurang kepada satu-satu industri.

Satu perkara lagi saya dengar juga berkenaan dengan kematian akibat orang mengangkat air di Negeri Sembilan, kerana kononnya orang ini angkat air sampai atas dapat serangan sakit jantung dan mati. Jadi, ini di luar kawalan kita, mungkin ajal sudah sampai. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

[Ketawa]

TABUNG EKONOMI BELIA (TEB) - BILANGAN PEMOHON

12. **Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan kerajaan menyediakan peruntukan RM100 juta untuk Tabung Ekonomi Belia (TEB) demi membantu golongan belia dalam perniagaan:

- (a) setakat ini berapa orang belia telah menikmati kemudahan ini dan berapa banyak pinjaman telah dikeluarkan; dan
- (b) apakah bentuk perniagaan yang diberikan keutamaan dalam permohonan ini.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Setakat ini seramai 2,240 orang usahawan belia telah menikmati kemudahan pinjaman melalui Tabung Ekonomi Belia yang melibatkan peruntukan sebanyak RM33.8 juta.
- (b) Bentuk perniagaan yang diberi keutamaan dalam permohonan pinjaman Tabung Ekonomi Belia ini meliputi bidang kejuruteraan dengan pembuatan, perusahaan memproses bahan makanan seperti minuman, perkhidmatan dan bekalan dan bidang pertanian termasuk penternakan.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan keadaan ekonomi sekarang yang tidak menentu, adakah kementerian akan menetapkan syarat-syarat pinjaman TEB, dan apakah antara mereka yang dapat pinjaman TEB ini melaporkan mereka menghadapi masalah kerana kegawatan ekonomi. Kalau ada, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk membantu mereka?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, janganlah kita lupa objektif Tabung Ekonomi Belia yang kita adakan ini. Ianya ialah untuk

menolong golongan belia dalam bidang perniagaan. Syarat-syarat yang telah ditetapkan untuk pemohon-pemohon mendapatkan pinjaman ini adalah tidak ketat sangat pada masa apabila negara kita tidak menghadapi kegawatan ekonomi. Jadi, sebanyak lebih kurang 50% pemohon-pemohon telah diberikan pinjaman ini dan kita yakin bahawa mereka boleh menjalankan perniagaan dengan baik kerana mereka memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Sekarang ini negara kita menghadapi sedikit kegawatan ekonomi, tentulah ada sedikit-sebanyak memberi kesan yang buruk kepada golongan belia ataupun pemohon-pemohon khasnya pemohon-pemohon yang telah berjaya mendapatkan pinjaman ini. Sekarang ini kita masih mengawal selia bahawa tidak ada apa-apa kesan yang teruk lagi, yang mana kita nampak peminjam-peminjam belia belum dapat memulangkan duit yang dipinjam. Sekiranya mereka menghadapi masalah, kita akan mempertimbangkan macam mana kita akan menolong mereka, tetapi ada syarat-syarat yang telah ditetapkan. Jadi, ini kita tidak dapat melonggarkan syarat itu yang terlalu banyak, kalau ini bukan menjejaskan tabung yang kita adakan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Masa sudah cukup untuk Soal-Jawab.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 2, 4 dan 13 hingga 46 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT (PINDAAN) (NO.2) 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.36 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Syarikat 1965 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak Akta Syarikat 1965 dilaksanakan, ianya telah dipinda sebanyak 27 kali termasuk pindaan yang dibuat pada tahun 1997 yang lalu. Pindaan-pindaan tersebut telah dibuat bagi tujuan di antara lain menyesuaikan perubahan-perubahan dan perkembangan-perkembangan yang berlaku di dalam sektor korporat dan swasta dengan undang-undang persyarikatan negara ini. Cadangan pindaan kali ini adalah diperlukan terutama sebagai satu dari langkah untuk mengatasi masalah yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti sebilangan badan-badan bukan kerajaan (NGO) yang didaftarkan sebagai syarikat yang didapati telah menjalankan kegiatan yang bertentangan dengan prinsip negara dan boleh menjejaskan ketenteraman dan kepentingan awam.

Selain daripada itu, pindaan ini juga bertujuan untuk memastikan syarikat lebih bertanggungjawab dalam hal penyediaan akaun syarikat agar ianya menunjukkan prestasi sebenar syarikat dan mengandungi pendedahan-pendedahan yang lebih berguna dan secara tidak langsung pemegang-pemegang saham syarikat dapat mengetahui kemajuan syarikat mereka. Adalah diharap dengan keperluan ini penyata-penyata akaun syarikat-syarikat di Malaysia akan lebih diterima dan diakui oleh pelabur-pelabur dan institusi-institusi kewangan antarabangsa.

Pindaan-pindaan lain yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini adalah bagi melicinkan lagi pentadbiran Akta Syarikat 1965 oleh Pendaftar

Syarikat, memberi penyelesaian kepada masalah yang dihadapi oleh profesion setiausaha syarikat dan juga bagi membetulkan anomali-anomali dalam akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) (No.2) 1997 yang kini dibentangkan untuk pertimbangan secara keseluruhannya mencadangkan 13 fasal pindaan.

Cadangan untuk memperkenalkan seksyen baru 11A adalah bertujuan untuk membolehkan dokumen-dokumen berkanun syarikat difailkan ke Pejabat Pendaftar Syarikat secara elektronik, iaitu tanpa melibatkan penggunaan kertas apabila kemudahan untuk menyerah-simpan dokumen secara elektronik disediakan kelak. Pindaan ini perlu memandangkan penggunaan sistem komputer kian meluas sejajar dengan kemajuan pesat dalam teknologi perisian komputer dewasa ini. Hanya dokumen-dokumen yang akan ditetapkan kelak oleh Pendaftar Syarikat sahaja akan dibenarkan diserahkan secara elektronik dan dokumen-dokumen yang diserahkan dengan cara sedemikian akan dianggap telah diserahkan dengan Pendaftar Syarikat secara sah di sisi undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini turut mencadangkan pindaan ke atas seksyen 16, iaitu dengan menggantikan subseksyen 2 dengan yang baru di mana setiausaha pertama yang dinamakan di dalam artikel persatuan sesebuah syarikat akan dikehendaki membuat akuan berkanun mengenai pematuhan kepada setiap peruntukan dan kehendak akta dan peraturan yang berkaitan dalam hal pemerbadanan sebuah syarikat. Cadangan pindaan ini adalah bertujuan untuk meletakkan tanggungjawab ke atas setiausaha pertama dalam memastikan segala kehendak dan peraturan semasa pemerbadanan sebuah syarikat dipatuhi dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi cadangan pindaan yang melibatkan setiausaha syarikat, iaitu cadangan memperkenalkan subseksyen-subseksyen

baru (1C), (1D) dan (1E) dalam seksyen 139 di mana seseorang setiausaha dibolehkan untuk meletak jawatannya sekiranya pengarah-pengarah syarikat tidak dapat lagi dihubungi. Dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan ini ianya akan meningkatkan lagi peranan setiausaha syarikat dalam menjalankan tugasnya dengan lebih bertanggungjawab. Ini adalah kerana pada masa sekarang Akta Syarikat 1965 tidak mengandungi peruntukan yang membolehkan seseorang setiausaha menarik diri dari menjadi setiausaha bagi sebuah syarikat yang didapati tidak lagi aktif dan pengarahnya tidak dapat dikesan.

Lazimnya pada masa sekarang jika seorang setiausaha syarikat ingin meletakkan jawatannya dalam keadaan sedemikian, beliau hanya menulis surat memaklumkan penarikan dirinya sebagai setiausaha ke Pejabat Pendaftar Syarikat. Namun surat tersebut tidak membolehkan namanya dikeluarkan dari rekod syarikat berkenaan. Justeru itu, namanya masih lagi tertera di dalam maklumat syarikat di Pejabat Pendaftar Syarikat dan sering disaman untuk mewakili syarikat di mahkamah walaupun beliau telah meletakkan jawatan. Diharap pindaan yang dicadangkan ini dapat mengatasi masalah yang dihadapi oleh ramai setiausaha syarikat sekarang.

Selain dari subseksyen-subseksyen baru iaitu (1C), (1D) dan (1E) dalam seksyen 139, turut dicadangkan ialah subseksyen baru (6) dalam seksyen yang sama. Dalam subseksyen baru ini adalah dikehendaki seorang setiausaha itu membuat akuan berkanun dalam borang yang ditetapkan bahawa beliau adalah layak dan memberi persetujuan untuk dilantik sebagai setiausaha syarikat. Cadangan pindaan ini bertujuan mengatasi aduan-aduan yang kerap diterima oleh Pejabat Pendaftar Syarikat di mana nama seseorang setiausaha telah digunakan tanpa persetujuan atau pengetahuan beliau.

Tuan Yang di-Pertua, tiga daripada pindaan yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini adalah bertujuan untuk menangani masalah kegiatan-

kegiatan sebilangan NGO di negara ini. Peruntukan-peruntukan akta yang dipinda bagi tujuan ini ialah seksyen-seksyen 16, 217 dan 218.

Cadangan meminda seksyen 16 dengan memasukkan subseksyen baru (8) bertujuan memberi kuasa kepada Pendaftar Syarikat untuk menolak permohonan pemerbadanan sebuah syarikat sekiranya beliau berpuas hati bahawa syarikat yang akan ditubuhkan itu akan digunakan untuk tujuan-tujuan yang menyalahi undang-undang, menjejaskan ketenteraman awam, kebajikan dan nilai-nilai moral di dalam negara ini atau bertentangan dengan kepentingan dan keselamatan negara.

Selain dari kuasa untuk menolak permohonan penubuhan bagi syarikat-syarikat baru dengan aktiviti-aktiviti sedemikian, Pendaftar Syarikat juga perlu diberi kuasa untuk membuat permohonan di mahkamah untuk menggulungkan sebuah syarikat yang sedia ada sekiranya syarikat itu digunakan untuk kegiatan-kegiatan yang tersebut di atas. Justeru itu, dicadangkan pindaan kepada seksyen 217(1) dengan memasukkan perenggan baru (h) dan seksyen 218(1) dengan memasukkan perenggan-perenggan baru (m) dan (n).

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan pelaksanaan akta, Laporan Kewangan 1997 dan penubuhan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia, dengan izin, Malaysian Accounting Standard Board (MASB) yang akan menghasilkan piawaian perakaunan diluluskan yang harus dipatuhi oleh semua syarikat di dalam negara ini, maka adalah menjadi keperluan bagi setiap syarikat menyediakan laporan penyata kewangan syarikat mengikut piawaian yang telah ditetapkan oleh MASB. Sehubungan dengan ini, satu seksyen baru iaitu seksyen 166A adalah diperkenalkan untuk menghendaki pengarah-pengarah sebuah syarikat memastikan akaun-akaun syarikat disediakan mengikut piawaian perakaunan diluluskan yang terpakai kepada syarikat itu seperti yang ditetapkan oleh MASB.

Walau bagaimanapun, pengarah-pengarah sebuah syarikat tidak perlu memastikan akaun syarikat disediakan mengikut sesuatu piawaian perakaunan yang sedemikian jika pengarah-pengarah itu berpendapat dengan pematuhan piawaian itu akan menyebabkan akaun syarikat tidak memberi gambaran benar dan saksama mengenai perniagaan dan hal ehwal syarikat tertakluk kepada pengarah-pengarah memberi sebab-sebab untuk membuat keputusan sedemikian di dalam nota kepada akaun syarikat dan memberi butir-butir kesan quantify kewangan jika akaun syarikat disediakan mengikut piawaian itu.

Pindaan yang dicadangkan kepada subseksyen 169(15) Akta Syarikat 1965 adalah untuk menghendaki kenyataan yang dibuat oleh dua orang pengarah mengenai sama ada akaun-akaun syarikat memberi gambaran benar dan saksama dibuat mengikut resolusi lembaga pengarah. Ini adalah untuk memastikan semua pengarah sedar dengan kenyataan yang akan dibuat oleh dua orang pengarah yang tersebut. Kenyataan pengarah itu akan juga mengandungi kenyataan sama ada akaun syarikat disediakan mengikut piawaian perakaunan yang telah ditetapkan oleh MASB.

Juruaudit sebuah syarikat akan juga dihendaki memainkan peranan dalam memastikan syarikat yang diaudit itu mematuhi piawaian perakaunan diluluskan sebagaimana yang ditetapkan oleh MASB. Oleh itu, cadangan pindaan ini juga mencadangkan pindaan kepada seksyen 174 untuk menghendaki juruaudit sebuah syarikat melaporkan dalam laporannya kepada ahli-ahli syarikat sama ada akaun syarikat telah disediakan mengikut piawaian perakaunan yang ditetapkan oleh MASB dan memberi pandangan-pandangan yang sewajarnya jika ianya disediakan tidak mengikut piawaian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, lain-lain cadangan pindaan seperti pindaan kepada seksyen-seksyen 194, 195, 319 dan 324 adalah dibuat untuk membetulkan anomali sahaja dan hanya melibat pertukaran istilah 'pengisytiharan' kepada

istilah 'perintah' berhubung dengan kuasa menteri di bawah seksyen-seksyen berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Syarikat 1965 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Kuala Pilah.

3.50 ptg.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya membuat ucapan, mengambil bahagian dalam perbahasan meminda Akta Syarikat 1965 yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

Pada keseluruhannya, Tuan Yang di-Pertua, saya dapati ada melibatkan 13 fasal, sebagaimana yang disebutkan oleh Timbalan Menteri sebentar tadi yang memerlukan sedikit-sebanyak pindaan semata-mata untuk memantapkan dan melicinkan lagi Akta Syarikat 1965 yang sedia ada. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada kementerian di atas kepekaan dan keprihatinan di atas tindakan itu. Pindaan yang diperlukan melibatkan hanya lebih kurang 10 seksyen dalam Akta Syarikat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, segala usaha untuk memperketatkan mana-mana peruntukan yang ada dan juga untuk mengelakkan penyelewengan seperti mana disebut tadi adanya NGO-NGO menyalahgunakan, maka ini semua menampakkan keprihatinan untuk mengemaskinikan lagi penguatkuasaan serta segala prosedur yang dilakukan amat dialu-alukan.

Tuan Yang di-Pertua, setelah meneliti kesemua seksyen yang berkenaan dan memandang kepada keadaan kegawatan ekonomi yang melanda negara kita

sekarang ini, izinkan saya untuk menumpukan kepada aktiviti-aktiviti yang ada berkaitan dengan seksyen 211, 217 dan 218 akta tersebut, selain daripada apa yang diperkatakan oleh Timbalan Menteri sebentar tadi. Pada peringkat akhirnya ucapan saya ini sukacita saya mengemukakan cadangan-cadangan sebagai salah satu usaha menyelamatkan keadaan syarikat-syarikat dan pelabur-pelabur yang mengalami masalah dewasa ini.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan daripada kegawatan ekonomi negara yang sedang kita harungi sekarang telah terdapat banyak keadaan dan berita-berita yang tidak menggalakkan khususnya banyak syarikat kecil ataupun besar terpaksa diletakkan di bawah tanggungan ataupun gulung tikar ataupun muflis. Akibat daripada tekanan harga, kejatuhan mata wang dan kejatuhan indeks yang banyak di pasaran saham BSKL dan ditambah lagi oleh laporan dan ramalan penganalisis pasaran bahawa kira-kira 70 syarikat di Papan Kedua sedang menghadapi masalah kewangan, maka ini semua mendorong pihak-pihak bank atau institusi peminjam kewangan mengambil tindakan undang-undang seperti seksyen 127 dan 128 terhadap syarikat-syarikat diletakkan di bawah tanggungan gulung tikar ataupun muflis.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya laporan agensi berita asing pula dua minggu yang lalu ada melaporkan bahawa kononnya sektor korporat Jepun mencatatkan tanggungan muflis 15.1 trilion Yen, dalam Ringgit Malaysia lebih kurang RM440 bilion sehingga Mac lalu. Angka ini paling menakutkan kerana ianya adalah yang tertinggi pernah dicatatkan oleh negara itu selepas Perang Dunia Kedua. Sebanyak 17,430 kes korporat muflis telah dicatatkan dan jumlah tanggungan muflis pula mencatatkan kenaikan 64.5%. Keadaan ini semua yang berlaku di Jepun oleh kerana negara kita ada banyak hubungan perniagaan dalam pelbagai sektor dengan Jepun, nescaya jugalah reaksi dan implikasinya tentu sekali akan menggawatkan lagi keadaan ekonomi dan syarikat-syarikat kita yang ada hubungannya.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita masih belum pasti berapakah jumlah kes korporat muflis di negara kita akibat kegawatan ekonomi ini. Barangkali keadaan kita tidaklah sama seperti jumlah yang berlaku di Jepun. Tetapi yang pasti di Malaysia kes seperti itu akan terus meningkat. Inilah hakikat yang kita hadapi dalam keadaan ekonomi sekarang. Banyak syarikat oleh kerana sesuatu keadaan di luar dugaan akan diisytiharkan muflis dan diletakkan di bawah tanggungan. Keadaan yang amat mendukacitakan ini telah melibatkan juga ramai rakyat jelata yang memiliki saham-saham syarikat yang tidak dapat berbuat apa-apa atas tindakan itu. Mangsa terbaru yang diketahui ialah seperti SCK Group Berhad dan Wembely Industries Holding Berhad yang disenaraikan di Papan Kedua BSKL yang telah diletakkan di bawah tanggungan.

Oleh hal yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, bagi kita pelabur-pelabur syarikat yang rugi dan akan muflis. Syarikat-syarikat terpaksa gulung tikar sebagai jalan terakhir bagi memastikan kerugian tidak berterusan. Semua ini tidak dapat dielakkan kerana kita berada dalam situasi serba tidak kena. Walaupun badai pemusnah ini semakin kuat melanda, kita sebagai wakil rakyat dan pemimpin yang bertanggungjawab tidak boleh menghadapi begitu sahaja tanpa mempersiapkan dan mencari jalan untuk memperbetulkan keadaan agar kita tidak terjerumus terus bersama mereka yang tahap kecederaannya terlalu parah. Segala usaha perlu dibuat, jalan perlu dicari agar syarikat-syarikat dan perniagaan yang terdungap-cungap tetapi tetap bernafas dapat diselamatkan.

Tuan Yang di-Pertua, jika tidak dilakukan sesuatu untuk menyelamatkan, syarikat terbatit seolah-olah mati beragan dan pelabur terkapai-kapai tidak tahu ketentuannya. Padamnya kegiatan mereka bermakna negara juga akan mengalami kerugian dan sekali gus ia memberi kesan secara langsung kepada kemajuan dan pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyebut implikasi peruntukan seksyen 211, 217 dan seksyen 218 akta tersebut. Sekarang ini mengikut seksyen 211 jika sesuatu syarikat itu ada masalah, ia boleh digulung atau winding-up, dengan izin, melalui proses (a) dengan arahan mahkamah, ataupun (b) secara mengikut kehendak syarikat itu sendiri, dengan izin, voluntary wind-up. Keadaan yang banyak berlaku sekarang ini adalah berkaitan dengan tindakan arahan mahkamah mengikut seksyen 217 dan 218 supaya sesuatu syarikat itu digulung tika (winding-up) disebabkan oleh beberapa masalah sama ada dari dalaman ataupun dari luar, seperti tidak berkeupayaan menjelaskan hutang-piutang daripada kreditor dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana keadaan kegawatan ekonomi sekarang ini melibatkan semua pihak, peruntukan undang-undang melalui Akta Syarikat 1965 tidak ada banyak peruntukan yang boleh menolong syarikat atau kreditor yang terlibat dalam situasi yang melanda negara kita sekarang. Jelas sekali pihak bank atau institusi pinjaman kewangan dan kreditor kebanyakannya, oleh kerana tiada jalan lain terpaksa mengambil tindakan mahkamah melalui beberapa seksyen tersebut di atas untuk menyelamatkan diri atau setidaknya mendapatkan balik apa sahaja aset daripada peminjam atau dengan izin, debtor yang tidak boleh menjelaskan hutangnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengunjurkan cadangan usaha-usaha yang difikirkan wajar untuk menyelamatkan keadaan. Pertama, undang-undang

Akta Syarikat yang dikanunkan mulai tahun 1965 ini adalah satu-satunya akta yang hidup aktif, ciptaan kita semua mengikut kehendak rakyat sejajar dengan keadaan semasa melalui Parlimen, iaitu Dewan yang mulia ini. Kesimpulannya, setiap masalah yang dihadapi oleh makhluk yang dipanggil manusia mesti diselesaikan melalui ilmu dan undang-undang yang praktik serta pragmatik walaupun ada ketikanya ia memerlukan cara atau kaedah yang sangat menyakitkan.

Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengambil kira keseluruhan keadaan kita sekarang ini, di samping menghormati peruntukan Akta Syarikat 1965 yang ada, maka izinkan saya mengemukakan beberapa cadangan seperti berikut:

Pertama, saya mengesyorkan agar pihak creditors, syarikat-syarikat dan mahkamah juga digalakkan mencari penyelesaian ke arah mendapatkan arahan ataupun order, dengan izin, untuk tindakan meletakkan di bawah Skim Pengaturan dan Pemulihan Semula (arrangement and reconstruction), dengan izin, mengikut seksyen 176, dan tidak begitu ghairah. Sebagaimana kita dapati sekarang ini, membuat arahan untuk gulung tikar ataupun muflis, kerana ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak akan menguntungkan mana-mana pihak malahan banyak akan merugikan termasuk negara. Ini adalah difikirkan jalan yang terbaik dan berpatutan sebelum ia gulung tikar dan isytiharkan muflis serta dilupakan. Apa juga tanggungan hutang yang dihadapi oleh syarikat itu, dapat dibayar berdasarkan aset yang ada. Jika selepas tindakan itu, syarikat masih lagi mempunyai landasan yang kukuh untuk bergerak dan membina. Tentu sekali peruntukan ini, perlulah mematuhi syarat-syarat dan terma-terma seksyen tersebut.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir satu perkara yang baru, yang mana saya mencadangkan agar kerajaan dan semua pihak yang ada berkenaan agar memberi pertimbangan yang serius semoga satu peruntukan khas undang-undang untuk mewujudkan satu senario yang dinamakan judicial management, ataupun tafsiran dalam Bahasa Malaysianya sebagai pentadbiran kehakiman. Bagi tujuan membendung dan mengatasi tindakan drastik apabila sesuatu syarikat itu menghadapi masalah.

Tuan Yang di-Pertua, judicial management concept, dengan izin, ini telah saya dapati melalui satu kajian mengikut pendapat buku Company Law, edisi kedua yang ditulis oleh Wong Ter Voon seorang peguam terkemuka dari Supreme Court of Singapore, seperti tertera di muka surat 632 hingga 646.

Akta Syarikat 1965 yang ada sekarang Tuan Yang di-Pertua, tidak ada apa-apa peruntukan serupa yang saya sebutkan tadi. Tuan Yang di-Pertua, judicial management concept ini bertujuan untuk memberi peluang kepada sesuatu syarikat yang tidak berkeupayaan membayar hutangnya di waktu ditentukan, dan tidak mempertahankan pihak creditor melantik receiver atau membuat petisyen untuk liquidation, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, biasanya keadaan tersebut akan mematikan kompeni yang mana jika boleh patut dirawat semula untuk memulihkannya, meletakkan sesuatu kompeni di bawah tanggungan ataupun reservative dalam kebanyakan kes mengakibatkan seolah-olah menandatangani waran mati, (dead warrant), dengan izin. Dan biasanya pihak creditor akan berpusu-pusulah berusaha untuk menguatkuasakan segala cagaran ataupun securitiesnya, untuk menyelamatkan apa sahaja yang boleh daripada pecahan yang berlaku. Rasional penting konsep ini juga memberi peluang kepada kompeni yang berkenaan untuk masa bernafas, di mana operasi menyelamatkan akan dikuatkuasakan. Konsep ini juga Tuan Yang di-Pertua,

berlatarbelakangkan supaya diadakan keadaan yang dipanggil moratorium semasa arahan pentadbiran kehakiman sedang dijalankan. Keadaan moratorium ini memberi makna supaya setiap creditor memberhentikan atau membekukan freeze action, dengan izin, segala tindakan mereka buat sementara waktu.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, pihak mahkamah hendaklah sewajarnya berpuas hati bahawa dengan meluluskan atau mengeluarkan arahan judicial management concept ini, besar kemungkinan akan menghasilkan salah satu daripada matlamat ataupun tujuan seperti tersebut:

- (i) menyelamatkan syarikat daripada keseluruhannya atau sebahagiannya untuk terus hidup;
- (ii) kelulusan di bawah seksyen 210 untuk berkompromi atau secara scheme of arrangement, dengan izin di mana kompeni tersebut diberi peluang untuk membuat apa-apa perancangan untuk menyelamatkan kompeni daripada terus terkubur; dan
- (iii) memberi peluang kepada kompeni atau syarikat untuk merealisasikan apa sahaja aktiviti-aktiviti kerja atau pun menyiapkan apa-apa projek yang sedang berjalan atau pun terbengkalai dan sebagainya yang mana sekali gus mengelakkan kompeni terus menjadi, insolvency, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh dan panduan saya kemukakan di Dewan yang mulia ini, bahawa di negara jiran kita seperti Singapura dan juga di Amerika Syarikat undang-undang ini telah pun dipraktikkan dan menampakkan sangat menggalakkan. Di Amerika Syarikat, undang-undang ini dipanggil sebagai 'chapter eleven' provision, apabila disebut chapter eleven provision semua warganegara Amerika faham, provision yang menyelamatkan keadaan ini. Memberi segala peruntukan yang lebih kurang sama seperti judicial management concept yang saya sebutkan sebentar tadi.

Oleh hal demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya kemukakan cadangan ini untuk direnungi dan dikaji secara serius oleh semua pihak untuk mengambil tindakan, andainya benda ini satu perkara yang baik apakah salah kita praktikkan di negara kita dalam keadaan ekonomi kita yang cukup mendukacitakan sekarang. Ini semua untuk mengelakkan berlakunya berterusan banyak syarikat yang kurang bernasib baik dan ramai rakyat kita menjadi mangsa.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan saya seterusnya ialah sekarang ini kita tahu di Malaysia ini kita ada Registrar of Company ataupun di mana segala perkara-perkara yang ada kaitan dengan syarikat-syarikat atau kompeni-kompeni akan dikawal selia mengikut peraturan yang tertentu oleh Pendaftar Syarikat (Registrar of Company), dengan izin.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua saya ingin menyarankan supaya Pendaftar Syarikat ini perlu dipertingkatkan dari segi keanggotaannya dan juga mutu profesionnya. Dan sekarang ini, kita menghadapi era baru di mana memasuki alaf 21, banyak bijak pandai dan cara-cara hubungan melalui information technology, maka sudah sewajarnya Pejabat Pendaftar Syarikat ini mempunyai pegawai-pegawai yang berkebolehan dan pengarah-pengarahnya, kalau boleh hendaklah orang betul-betul berkelulusan tidak sebagaimana sekarang ditukarkan daripada satu jabatan ke satu jabatan mengikut kehendak masing-masing sahaja.

Kalau boleh juga saya menyarankan supaya kerajaan memikirkan secara seriusnya supaya Pendaftar Syarikat ini dikorporatkan di mana tidak tertakluk di bawah JPA dan sebagainya. Ini untuk memberi ruang kepada tahap profesionalismenya dipertingkatkan, kerana ini perlu menghadapi cabaran yang begitu complicated, begitu mencabar dan perlukan pegawai-pegawai yang betul-betul faham apa yang diperkatakan. Sekian sahajalah Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Tanjong.

4.09 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menghadiri perbahasan dalam Rang Undang-undang di hadapan Dewan yang mulia ini. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang tadi hadir dalam Dewan, baru ada di Washington untuk mesyuarat IMF kerana Bank Dunia, di mana beliau ada beberapa perjumpaan dengan corporate figures di United States untuk menyakinkan mereka bahawa ekonomi Malaysia dalam proses pemulihan, economic recovering, tetapi hari ini apabila kita baca surat khabar sungguhpun pemimpin-pemimpin negara kerap kali kata, bahawa negara sudah dalam proses economic recovering dan ada pemimpin-pemimpin yang kata dalam 3 bulan ekonomi kita sudah boleh pulih dan masa itu ialah bulan Januari dan sekarang sudah lepas bulan Januari, tetapi tidak ada orang yang bersetuju ekonomi negara sudah pulih.

Hari ini dalam *New Straits Times*, satu berita sebagai contoh dan dengan izin, 'Recovering Will Commence Next Year', ini bukan berita DAP ya, the Malaysian Financial market will begin to recover next year to the stock market among the first to recover, said Dato' Dr. Abdul Halim Ismail, Executive Chairman of BIMB Security Sdn. Bhd. a member of company of Bank Islam Malaysia Berhad.

Pada keseluruhannya boleh dikatakan mewakili pandangan orang-orang korporat dalam tanah air kita, bahawa kalau negara kita mahu berjaya memulihkan ekonomi, mungkin dua, tiga tahun, dan bukan dalam 3 bulan, 6 bulan. Oleh kerana memberi satu signal yang bukan sahaja confuse dan contradictory tetapi akan mengganggu pemulihan keyakinan atau restoration of confidence, satu faktor yang sangat penting dalam cabaran untuk mengendalikan crisis economy kita pada saat ini.

Sebenarnya kita baca surat khabar, kita dapat satu senario yang sangat muram. Dua hari dahulu kita diberitahu bahawa lebih kurang 450 lebih daripada 433 syarikat sudah gulung tikar, sudah bankrap, antara tempoh Julai tahun lalu dan bulan Mac ini oleh kerana krisis ekonomi.

Kita sudah gone through the worst dalam bulan yang akan datang, dalam masa yang akan datang, lebih banyak syarikat yang akan menghadapi masalah sehingga termasuk bankrapsi. Sebab itu, sungguhpun Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam 25 Mac 1998, datang ke Dewan yang mulia ini untuk membentangkan Budget 1998 yang ketiga dengan cadangan-cadangan ekonomi, satu pakej ekonomi, ekonomi yang baharu untuk memberi satu spur lagi, satu galakan dalam proses pemulihan ekonomi tetapi reaksi pasaran yang sangat negatif semenjak 25 Mac, masa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kemukakan buat kenyataan ministerial, kemukakan pakej ekonomi yang ketiga, pasaran saham komposit indeks, pasaran saham Kuala Lumpur sudah jatuh lebih daripada 100 mata. Sungguhpun hari ini ada naik sedikit, tetapi ini menunjukkan kita perlu lebih realistik apabila kita cuba untuk mengatasi krisis ekonomi kita. Kalau kita tidak rela untuk mengadakan satu realistic approach, kita mahu terus ada denial syndrome semacam haze, tidak boleh kata 'haze. Jerebu tidak boleh akui jerebu, bahawa krisis ekonomi tidak boleh akui ialah economy crisis, dan sikap semacam itu tentulah kita tidak ada syarat-syarat yang boleh dengan masa yang singkat untuk menyatupadukan segala usaha lapisan rakyat untuk memulihkan ekonomi kita.

Tadi, Yang Berhormat dari Kuala Pilah ada menyentuh mengenai satu perkara yang penting, di mana ada banyak syarikat yang menghadapi krisis bankrapsi, dan cara-cara, dasar-dasar kerajaan yang perlu diadakan untuk menghadapi masalah ini.

Yang pertama, kita perlu mengakui bahawa masalah ini rumit. Kita belum out of the tunnel sama ada light of the end of the tunnel, belum tentu,

oleh kerana mengikut kenyataan-kenyataan yang ada dibuat beberapa hari dahulu tidak menunjukkan bahawa kita ada kerajaan yang rela untuk dengan izin, crash the nettle, rela untuk mengakui kenyataan.

Di sini sebagai satu contoh mengenai betapa serius keadaan ekonomi kita, kita tahu bahawa bukan sahaja pasaran saham jatuh tetapi di semua bank. Mereka, ada satu senarai masing-masing mengenai syarikat-syarikat yang tersenarai yang menghadapi masalah, yang menolak, menerima saham-saham syarikat-syarikat yang tersenarai, sama ada Papan Pertama atau Papan Kedua untuk pinjaman koleteral dan lain-lain. Senarai yang panjang, inilah satu senarai untuk satu beg. First Board, – 92 syarikat, itulah dengan izin, list of unacceptable Main Board stocks. 92 syarikat untuk Papan Kedua, 71 syarikat list of unacceptable Second Board stocks. Apa yang saya sangat kluatir apabila saya kaji senarai-senarai ini ialah ada banyak syarikat di sini, di mana saham-saham ada dibeli secara besar-besaran oleh KWSP sendiri. Dalam senarai di mana sudah ditolak oleh syarikat, bank-bank sebagai acceptable stocks. Di sini, mungkin krisis keyakinan contributors KWSP, bagaimana wang mereka RM130 bilion digunakan untuk pelaburan. Seperti mana sekarang, banyak syarikat di sini seperti Idris Hydraulics, Intria Berhad, Kelana Mas, Kemayang, Datuk Keramat, MACB dan lain-lain.

Apa yang kita kluatir ialah sungguhpun ada seruan-seruan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Kuala Pilah tadi, saya percaya nanti kerajaan ada cara untuk menyelamatkan syarikat-syarikat yang menghadapi masalah sehingga mungkin bankrap. Apa kriterianya kalau kerajaan rela untuk bail out, itulah tadi satu kali saya ada sebut. Jadi, kita tidak rela menghadapi keadaan, ada satu realistic approach, jerebu tidak boleh akui sebagai jerebu, krisis ekonomi tidak boleh mengakui sebagai krisis ekonomi, bail out tidak boleh

mengakui sebagai satu bail out. Kemudian, oleh kerana kita tegas di sini bahawa tidak boleh ada bail out untuk trouble company, tidak ada bail out untuk trouble individual, apa yang kita harus buat ialah bail out untuk negara.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata usaha untuk corporate restructuring sama ada mengenai UEM-Renong atau mengenai konsortium perkapalan atau Sime Bank, semua ialah bail-out untuk negara. Sekurang-kurangnya ialah satu emission, satu bail-out tetapi tafsiran ialah untuk negara. Sungguhpun saya percaya kalau kita ada satu opinion pool dibuat oleh rakyat sama ada ini bail-out untuk negara atau bail-out untuk syarikat-syarikat tertentu yang khas oleh kerana ada hubungan-hubungan yang khas, majoriti akan kata bahawa inilah semua bail-out untuk trouble companies yang mengorbankan kepentingan negara atau wang rakyat (public fund) atau kepentingan pemegang saham minoriti.

Saya rasa ini mustahak. Inilah antara sebab kenapa baru-baru ini ada kejatuhan lebih drastik mengenai keyakinan ekonomi. Kalau kerajaan rasa mahu bail-out, kalau ada Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada Barisan Nasional rasa patut menjadi satu dasar kerajaan Barisan Nasional dalam krisis ekonomi ini ada bail-out, kita mahu tengok apa kriteria bail-out. Bail-out untuk siapa? Bail-out untuk semua, tidak kira latar belakang politik, hubungan politik kalau mereka boleh present a case bahawa mereka patut diselamatkan. Adakah kita rela mengadakan satu Suruhanjaya Bail-Out (Bail-Out Commission) untuk siasat, untuk kaji, untuk meneliti setiap permintaan untuk bail-out. Kalau mahu, kita ada satu Bail-Out Commission yang dianggotai oleh pakar-pakar, independence, berkewibawaan yang tidak akan dipengaruhi oleh political influence, individual influence atau lain-lain.

Sesiapa yang ada masalah yang rasa perlu ada bail-out sama ada public expense, public fund atau at the expense of pemegang-pemegang saham

minoriti, buat permohonan kepada Bail-Out Commission itu sama ada UEM-Renong, sama ada Konsortium Perkapalan, MAS. Oleh kerana ini jenis, bentuk sahaja yang berbeza, corporate restructuring tetapi akhirnya ialah bail-out. Untuk menunjukkan bahawa bail-out bukan berasas chronicism, political favouritism tetapi ada kriteria-kriteria tertentu dan tidak kira apa kaum, apa connection.

Saya harap bahawa kerajaan boleh memberi satu jawapan yang memuaskan hati dalam perkara ini untuk meyakinkan rakyat Malaysia. Inilah masa semua bersatu-padu. Bersatu-padu untuk menghadapi krisis ekonomi yang terburuk dalam sejarah Malaysia. Dalam mengkaji sama ada satu syarikat patut di 'bail-out' atau tidak patut di 'bail-out', kita mahu kaji juga latar belakang syarikat itu. Selalu kita dengar ada syarikat diberi taraf bahawa mereka memainkan peranan national duty semacam Ekran. National duty ialah Bakun Dam. Masa itu RM15 bilion untuk Bakun Dam, itulah national duty dan semua patut memberi sokongan dan bank-bank pun beri pinjaman sekarang. Sekarang Ekran menghadapi masalah. RM1.5 bilion yang dikutip dalam satu right issue bulan Mei tahun lalu hilang, digunakan untuk tujuan yang bukan dikehendaki dalam right issue itu. Kenapa boleh berlaku?

Sekarang betul, Ekran ada buat permohonan kepada Securities Commission untuk kebenaran menggunakan wang itu untuk tujuan yang lain. Permohonan itu patut dibuat sebelum wang itu di 'diverted' untuk tujuan yang lain. Bukan sekarang oleh kerana perlu buat satu annual report, perlu buat satu pengakuan dan sekarang buat permohonan. Apa tindakan sudah diambil terhadap Ekran, terhadap Tan Sri Ting Pek Khiing, a blue eyed boy of the establishment yang buat national duty mengenai perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Tuaran bangun.

Tuan Yunof Edward Maringking: Terima kasih, Yang Berhormat dari Tanjong. Saya tertarik dengan pendedahan Yang Berhormat dari Tanjong tentang right issue yang digunakan untuk tujuan yang lain. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa ini adalah satu penipuan dan perlu, oleh kerana kewangan itu telah digunakan, sekarang baru mahu minta kebenaran. Bukankah ini satu penipuan dan kalau penipuan, perlu ada tindakan, bukan diberi kebenaran untuk menggunakan ataupun just to cover up, dengan izin.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, memang itu satu penipuan, satu kesalahan jenayah oleh kerana kalau dibuat oleh seorang individu ialah criminal breach of trust. Ini wang yang dikutip dalam right issue untuk tujuan tertentu sekarang kata tidak perlu, dan digunakan untuk tujuan yang lain, patutlah. Itulah satu test, satu ujian terhadap agensi-agensi regularity sama ada Securities Commission dan Kementerian Kewangan sama ada ada double standard di sini. Orang biasa kalau perkara semacam ini berlaku tentulah sudah diheret ke mahkamah. Tetapi oleh kerana dibuat oleh Tan Sri-Tan Sri, mereka yang seolah-olah menguruskan national duty, mereka boleh buat apa mereka suka buat dan apa kesalahan boleh di 'legitimatised' kemudian. Lagi satu contoh double standard dalam negara kita.

Apa yang kita terperanjat sekarang ialah dengar ada usaha-usaha untuk bail-out Ekran oleh kerana Ekran ada satu masa dalam national duty mengenai Bakun Dam. Apakah keadaan sekarang? Tadi ada saya sebut apa mustahak kita tidak boleh lihat bahawa oleh kerana satu syarikat atau seorang, seolah-olah ada national duty satu masa, sama ada Tan Sri atau apa-apa, syarikatnya dalam trouble, menghadapi masalah, masalah beliau ialah masalah negara.

Bukan, bukan masalah beliau ialah masalah negara, masalah Tan Sri Ting Pek Khiing bukan masalah rakyat Malaysia, tetapi ialah masalah Tan Sri Ting Pek Khiing. Kalau Tan Sri Ting Pek Khiing mahu bankrap bukan negara bankrap. Tetapi apa yang kita tidak mahu ialah untuk menyelamatkan Tan Sri Ting Pek Khiing, mungkin negara bankrap. Itu kita mahu elak dan negara kita bukan ada satu sahaja Tan Sri Ting Pek Khiing, banyak syarikat raksasa, high flyers, tetapi apa latar belakang syarikat itu. Adakah syarikat itu sebenarnya kuat, kukuh dibina oleh orang dalam syarikat itu dengan kerja kuat, komitmen atau kerana hubungan politik mereka. Sebenarnya hubungan politik mereka digunakan untuk dapat keuntungan raksasa, at the expense of the rakyat.

Sebagai satu contoh, saya tidak mahu sebut nama syarikat ini, tetapi sebagai contoh, satu syarikat di mana sehingga Khazanah ada 30% bahagian dalam syarikat ini, lagi satu syarikat yang national duty, memainkan national duty. Syarikat itu apabila ditubuh perlulah tanah dan oleh kerana hubungan khas, tanah ada diberi oleh satu kerajaan negeri.

Sungguhpun kiranya perlulah 100 ekar sahaja, syarikat itu diberi 3,000 ekar. Ada orang sudah tahu, sudah senyum. Diberi 3,000 ekar untuk apa? Untuk jual tanah itu, bukan untuk national duty, pun jual tanah itu. Apabila tanah itu diberi pasaran harga hak lebih rendah daripada harga pasaran, 30 sen per square foot atau RM13,068 per acre lebih rendah daripada harga pasaran. Apabila dapat satu revaluation serta-merta harga diubah. Harga diubah sehingga RM20 per square foot (kaki persegi) atau RM871,200 per acre. Ini bererti oleh kerana Tan Sri ini yang ada national duty ini ada 30% dalam

syarikat itu dapat keuntungan untuk 3,000 ekar RM2.6 bilion – magic. Dalam Malaysia ada David Copperfield. Magic – RM2.6 bilion keuntungan yang boleh menjadi collateral, yang boleh create collateral 2.6 bilion serta-merta.

Sekarang kita tahu syarikat ini adalah antara satu syarikat yang ada problem. Mungkin perlu bail-out. Bail-out, bail-out, bail-out siapa? Bail-out negara atau bail-out Tan Sri itu? Oleh kerana collateral RM2.6 bilion yang dalam begitu cepat dia boleh dapat pinjaman RM600 juta. RM200 juta daripada Sime Bank dan sebab itulah Sime Bank pun nyaris-nyaris bankrap, perlu diselamatkan di ‘recapitalise’kan RM200 juta daripada Sime Bank, RM50 juta daripada Bank Bumiputra. Bank Bumiputra pun going, going, gone. RM80 juta daripada South Bank, RM70 juta daripada OCBC, RM50 juta daripada Standard Chartered dan RM150 juta daripada merchant banks yang lain, jumlah RM600 juta – semua sekarang habis.

Adakah kita mahu selamatkan, bail-out syarikat semacam ini? Adakah tanggungjawab negara untuk selamatkan bail-out syarikat semacam ini? Dan ini bukan exception. Inilah nampaknya rule. Itulah yang kebiasaan khasnya mengenai syarikat-syarikat high flyers. High flyers bukan oleh kerana tidak ada good on the fundamental, tetapi ada good politic connections. Dan itulah telah disebut kalau negara mahu, kerajaan mahu menjalankan satu exercise bail-out semacam UEM-Renong, Konsortium Perkapalan, MAS, Sime Bank, Bank Bumiputra, baik, satu proses terbuka, transparent ada bail-out commission dan setiap permohonan, dibuat oleh syarikat besar, syarikat kecil semua boleh buat permohonan minta bail-out dan tengok berapa wang kita ada untuk bail-out, saya tidak tahu. Adakah ini untuk kepentingan negara?

Kita perlu, memang kita perlu satu proses, satu standard yang lebih tinggi mengenai corporate governments khasnya dalam krisis ekonomi ini. Tadi Yang Berhormat dari Kuala Pilah ada sebut mengenai peranan ROC khasnya dalam masa IT. Kenapa sampai sekarang, ROC tidak boleh go on-line

di mana semua pemeriksaan mengenai syarikat-syarikat boleh dibuat melalui on-line, buat satu bayaran. Kenapa begitu ketinggalan? Saya harap bahawa oleh kerana kita mahu, dengan izin, front line of information technology bahawa semua jabatan kerajaan termasuk ROC patutlah ada kemudahan-kemudahan elektronik di mana tidak perlu lagi pergi ke pejabat-pejabat ROC tunggu tetapi boleh buat semua hubungan, checking sama ada daripada pejabat ataupun rumah menunjukkan bahawa electronic government sudah tiba dalam Malaysia.

Satu pindaan yang mustahak dalam pindaan ini tidak bersangkutan paut dengan masalah kewangan, tetapi tidak kurang penting, khasnya usaha atau ikhtiar untuk menyekat kegiatan-kegiatan NGO-NGO di negara kita. Kita tahu bahawa pada masa kini NGO-NGO di negara kita bergiat melalui dua cara. Satu melalui Registrar Society di mana mereka didaftar di bawah Akta Pertubuhan dan dikawal oleh Pendaftar Pertubuhan dan satu lagi ialah melalui Registrar of Company. Satu sebab kenapa NGO-NGO ada operasi melalui ROC, Akta Syarikat dan bukan Akta Pertubuhan, ialah oleh kerana kalau mahu menunggu pendaftaran, mahu mengikut keperluan-keperluan dan peraturan-peraturan Akta Pertubuhan mereka menghadapi masalah. Soalan di sini ialah kita tidak menentang kalau ada cadangan bahawa semua kegiatan-kegiatan NGO di bawa kepada satu undang-undang yang uniform di bawah Akta Pertubuhan tetapi dengan syarat bahawa tidak menyekat ruang operasi NGO-NGO.

Apa ertinya yang kata bahawa mengikut pindaan yang baharu bahawa pihak berkuasa boleh mengambil tindakan melalui mahkamah untuk menggulung syarikat-syarikat jika syarikat itu digunakan bagi maksud yang menyalahi undang-undang atau apa-apa maksud yang memudaratkan atau tak selaras dengan keamanan, kebajikan, keselamatan, ketenteraman awam, ketertiban atau kemoralan atau apa-apa maksud yang memudaratkan

keselamatan negara dan kepentingan awam. Inilah terlalu luas. Apa erti any purpose prejudicial to or incompatible with peace, welfare, security, public order, good order or morality or any purpose prejudicial to national security or public interest. Apa erti ini?

Adakah SUARAN sebagai contohnya, kalau saya tidak silap SUARAN didaftar di bawah Akta Syarikat, adakah SUARAN yang berperihatin tentang hak-hak asasi, mengenai hak bersuara yang termaktub dalam Perlembagaan kita akan dianggap satu hari sebagai prejudicial, incompatible with peace, welfare, security public order, good order or morality oleh kerana mereka menimbulkan isu-isu yang kerajaan rasa tidak sedap, tidak suka oleh kerana kerajaan tidak begitu prihatin mengenai isu-isu hak asasi.

Sebenarnya bukan sahaja tidak begitu prihatin mengenai hak-hak asasi, selalu mencabuli, mencabuli hak-hak asasi di negara kita. Dan kalau ada NGO-NGO yang menyuarakan tentangan mereka, bantahan mereka, adakah mereka dianggap sebagai incompatible with peace, welfare, security, public order, good order or morality or any purpose prejudicial to national security or public interest?

Sebagai contoh, APCET II Conference yang diadakan di Kuala Lumpur pada bulan November 1996 untuk memberi satu venue di mana perasaan rakyat di Asia Pasifik mengenai East Timor boleh ada peluang tukar fikiran. Siapa yang pergi kacau, untuk menjalankan kekerasan – UMNO Youth, tetapi adakah kalau perkara semacam ini berlaku lagi dalam negara kita, bukan penganjur-penganjur APCET Conference, sama ada SUARAN ataupun NGO-NGO lain yang dilihat sebagai membela welfare, security, hak asasi tetapi sebaliknya mereka akan di lihat sebagai mengadakan kegiatan-kegiatan incompatible with peace, welfare security public order, good order and morality sungguhpun orang-orang gangster-gangster dalam UMNO Youth yang kacau dalam Conference itu.

Gangster-gangster UMNO Youth yang kacau dalam Conference itu. Itulah tafsiran yang mustahak, sebagai satu contoh bukan sahaja gangster-gangster UMNO Youth - saya minta maaf – gangster-gangster UMNO Youth, MCA Youth, MIC dan lain-lain. DAP tidak ada gangster, semua orang gentleman, dan orang-orang Parlimen yang boleh lihat gangster-gangster MCA Youth, UMNO Youth sebagai gangster mereka ada fikiran gangsterist. Sebagai contoh NGO, Tenaganita, kalau tak silap Tenaganita pun ditubuh di bawah Akta Pertubuhan, adakah dengan Tenaganita oleh kerana mereka membela hak-hak manusia, tak kira siapa mereka Human Rights dan sekarang kita tahu bahawa Pengarah Tenaganita Irene Fernandez dalam perbicaraan di mahkamah kerana false news, berita palsu oleh kerana satu laporan mengenai syarat-syarat, mengenai kedudukan dalam Kem Tahanan Semenyih untuk orang-orang asing. Adakah Tenaganita ini satu hari akan dianggap sebagai againts the welfare, security, public order, good order dan morality yang akan ditutup.

Saya rasa kita perlu dan kalau mereka meminta permohonan di bawah Akta Pertubuhan susah dapat didaftarkan, kita tahu kalau susah didaftarkan oleh kerana minggu lalu, kita ada dengar Yang Amat Berhormat dari Barisan Nasional mengeluarkan pandangan mereka, apabila kita timbulkan, mengapa Amnesty International tidak didaftarkan mereka tunjuk bahawa Amnesty International tak patut didaftarkan, oleh kerana kita tidak mahu satu badan yang bersifat imperialisme. Adakah hak asasi untuk menjadi imperialisme, adakah kita malu untuk berdiri membela hak asasi tak kira daripada mana, sama ada barat atau timur. Hak asasi ialah hak asasi manusia, bukan hak asasi barat atau hak asasi timur.

Apabila kita timbul mengenai kenapa Transparency International telah di daftarkan, ada Ahli-ahli Parlimen yang berdiri berkata, kita tak mahu Transparency International, oleh kerana Transparency International lagilah satu alat conspiracy international, untuk apa, untuk membasmiakan korupsi. Kenapa

kita begitu menentang Transparency International, Transparency International ialah mahu waive, dengan izin, satu war againts corruption incorruption, kalau kita benar-benar mahu memerangi corruption, kita patut rela kerjasama dengan mana-mana tempat dalam negara, luar negeri yang ada tujuan yang sama. Kenapa kita ada fikiran atau mentality yang begitu ada tertutup, tak mahu Transparency International, takut Transparency International? Adakah ini sebagai cover-up untuk protect 'the corrupt' dalam negara kita. Kita mahu sebenarnya membasmikan korupsi.

Yang Berhormat Perdana Menteri kemudian kata bahawa tidak ada apa-apa di dalam rekod permohonan dibuat untuk mendaftarkan Transparency International, sungguhpun saya ada dimaklumkan bahawa ada permohonan dibuat untuk mendaftarkan Transparency International, tetapi apa yang sebenar kita perlu check, apa yang saya terperanjat ialah ada ahli-ahli Parlimen yang boleh berdiri dan berkata, menentang pendaftaran Transparency International di Malaysia yang menunjukkan bahawa komitmen mereka terhadap usaha membasmikan korupsi langsung tidak ada. Dan sebab itulah saya rasa pindaan-pindaan yang ada di sini yang mahu menyekat NGO supaya mereka tidak boleh bergiat di bawah Akta Syarikat ialah satu disprogresive Malaysia. Kalau tidak ada cadangan-cadangan yang dibuat di mana NGO-NGO boleh bergiat dengan bebas, supaya kita boleh membina satu masyarakat madani. Kalau kita serius untuk membina satu masyarakat madani, kita perlu ada satu komitmen oleh kerajaan bahawa mereka akan memberi segala pertolongan, bantuan dan kebenaran untuk apa-apa NGO yang mahu mendaftar dan bergiat dalam tempoh satu bulan. Apabila permohonan dibuat dalam tempoh satu bulan, pendaftaran atau kebenaran diberi. Kenapa perlu masa yang begitu panjang, kalau apa yang mustahak ialah untuk membina syarat-syarat supaya masyarakat madani boleh wujud di tanah air kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Bayan Baru.

4.46 ptg.

Tuan Wong Kam Hoong [Bayan Baru]: Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Pengerusi atas peluang yang diberikan kepada saya untuk membahas Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan)(No. 2) 1997 untuk meminda Akta Syarikat 1965. Tuan Pengerusi, ekonomi Malaysia kini terbuka kepada liberalisasi di dalam sektor perkhidmatan di mana beberapa sekatan telah atau akan dibubarkan, seperti:

- perlonggaran pelesenan atau peraturan bagi mendapatkan permit untuk peniaga-peniaga asing memulakan perniagaan di Malaysia;
- pelonggaran kepada sekatan-sekatan terhadap pelaburan asing terutama di dalam industri pasaran utama dan pasaran kedua bagi memudahkan pemindahan teknologi, modal dan sumber manusia;
- perlonggaran kepada sekatan-sekatan ke atas pengawalan pertukaran asing, kadar percukaian bagi memudahkan perdagangan dan pelaburan;
- penubuhan undang-undang fiskal, pengawalan kastam dan eksais, dan keperluan imigresen yang lebih sederhana.

Liberalisasi akan mengurangkan taraf untuk barangan negara melalui ‘Preferential Trading Agreement’ (PTA), dengan izin.

Para profesional di Malaysia kini sedar bahawa di bawah ‘General Agreement on Trade in Services’ (GATTS) dan “ASEAN Free Trade Agreement (AFTA) Guidelines”, peruntukan bagi perkhidmatan akhirnya akan menjadi tiada batasan, borderless trading, dengan izin. Aliran ini melibatkan perundingan di antara ‘ASEAN Framework Agreement on Services’ (AFAS) dengan wakil-wakil dari ahli-ahli negara ASEAN. Sebagai contoh, liberalisasi di dalam sektor perakaunan akan merangkumi:

1. Perkhidmatan perakaunan seperti pengakusaksian, penilaian, perkhidmatan persediaan penyata kewangan;
2. perkhidmatan audit seperti penyemakan rekod dan bukti-bukti yang membantu;
3. kajian semula perkhidmatan penyata kewangan tahunan dan interim dan lain maklumat; dan
4. perkhidmatan menyediakan penyata kewangan tahunan dan interim dan lain-lain unit pengukuran yang terdapat di dalam buku perkhidmatan perakaunan yang disediakan oleh para akauntan Malaysia hendaklah bermutu tinggi.

Cara pemikiran yang berbeza adalah diperlukan untuk mengadakan ekonomi yang liberal di antara kegeloraan persekitaran yang disebabkan oleh penukaran yang pesat kepada teknologi maklumat dan pengawalan perniagaan. Pakej-pakej untuk meliberalisasikan akan merangkumi semua sektor perkhidmatan di bawah AFAS yang telah dijadualkan untuk siap atau beroperasi pada 31 Disember 1998. Ianya disediakan untuk World Trade Organisation (WTO) yang akan merangkumi komitmen dalam berbagai-bagai sektor perkhidmatan yang akan diliberalisasikan di antara kawasan ASEAN dan dunia keseluruhannya.

Perkhidmatan profesional tidak akan diberi sebarang pengecualian eksklusif bagi memberi peluang yang sama kepada pengamal-pengamal asing untuk mempraktikkan atau sekurang-kurangnya bekerja di Malaysia sebagai profesional perkhidmatan. Nampaknya liberalisasi akan digalakkan supaya dapat membantu pertumbuhan perindustrian untuk hampir kesemua ekonomi. Inovasi kewangan akan bertambah dengan adanya sejumlah instrument kewangan di dalam industri perkhidmatan kewangan yang akan digunakan untuk menyebarkan risiko kos perdagangan dan membantu arbitrage di antara pasaran yang berbeza. Ini akan menimbulkan banyak cabaran dan liabiliti

profesional kepada para profesional di Malaysia apabila pengawal, dengan izin, regulatory dan persekitaran ekonomi yang bersaing menjadi lebih dinamik dengan paras permintaan untuk perkhidmatan berubah-ubah. Kuasa liberalisasi akan mengakibatkan kebanyakan profesion menganggap dimensi global bersifat berikut.

Ekonomi yang lemah akibat daripada ekonomi terbuka di mana telah mengakibatkan persekitaran mata wang yang tidak stabil dan kejatuhan pasaran saham. Prospek untuk operasi antarabangsa yang menguntungkan dengan aliran syarikat-syarikat tempatan yang menuju ke arah perniagaan antarabangsa untuk menjadi syarikat multinasional iaitu MNC atau untuk menjadi organisasi yang berbentuk syarikat mega. Pasaran modal global akan membolehkan penempatan semula modal dan aliran terhadap penawaran awam awalan iaitu IPO di seluruh dunia dan penyenaian ekuiti MNC untuk membolehkan pertumbuhan pelaburan antarabangsa dan pengurusan kewangan.

Sebagai MNC, mereka akan menambahkan pemindahan teknologi di seluruh dunia. Menambahkan modal di mana ia murah dan mengeluarkan barangan atau perkhidmatan di mana pelanggan akan membeli barangan atau perkhidmatannya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan, saya membangkitkan sedikit sebanyak masalah spesifik yang dihadapi oleh pengamal-pengamal berkenaan dengan akta syarikat di negara kita. Liabiliti perlindungan, dengan izin, legal liability para profesion perakaunan di Malaysia yang semakin meningkat adalah mengejutkan dan boleh membawa kesan negatif kepada operasi komersial di negara ini.

Para akauntan kini terdedah kepada risiko-risiko yang timbul akibat liberalisasi ekonomi negara. Liabiliti profesional yang semakin meluas ini akan meningkatkan kos yang mana ia akan menambahkan beban ke atas perniagaan. Tetapi insiden utama kepada peningkatan kos ini adalah kepada masyarakat

keseluruhan. Penambahan kos ini boleh menjadi satu beban yang berat dan tidak produktif disebabkan juruaudit yang menggunakan konsep audit ketahanan akan membayar premium insurans yang tinggi yang tidak akan menambahkan perlindungan kepada para pengguna penyata kewangan malah ia hanya memberi perlindungan kepada juruaudit itu sendiri.

Para juruaudit yang menjalankan audit amalan di negara-negara maju kini telah bergabung untuk mengurangkan kos contohnya penggabungan di antara Price Waterhouse dan Coopers & Lybrand. Penggabungan ini juga akan mengurangkan jumlah pengamal audit dan persaingan di antara mereka. Para juruaudit dikatakan mempunyai 'dick pocket' kerana memiliki insurans perlindungan kerugian yang bernilai tinggi.

Terdapat perbincangan yang berpendapat bahawa liabiliti juruaudit sekiranya berlaku kebangkrapan sepatutnya ditutupkan dan para pemiutang dibiarkan menanggung risiko kredit. Walaupun liabiliti adalah perlu untuk memperbaiki mutu perkhidmatan pengauditan tetapi liabiliti yang berlebihan untuk memberi pampasan kepada para pemiutang di dalam kes kebangkrapan adalah keterlaluan. Dalam kes kebangkrapan adalah lebih berkesan untuk membiarkan pasaran laba untuk menilai risiko daripada mengharapakan jaminan daripada para juruaudit.

Oleh yang demikian, adalah penting di sini untuk kerajaan mengkaji kemungkinan bagi membenarkan konsep liabiliti terhad supaya firma-firma perakaunan boleh diperbadankan. Ini akan mengurangkan risiko yang terpaksa ditanggung oleh para juruaudit yang menjalankan amalan audit. Sebagai pilihan lain, kita boleh mengadakan litupan dari skelping kepada liabiliti dicadangkan untuk didepan kepada liabiliti juruaudit 20 kali ganda yuran audit Institute Accountant Malaysia. Berikutan kegawatan ekonomi akibat dari kejatuhan Ringgit akan menimbulkan banyak lagi kes insolvensi.

Penggubalan undang-undang insolvensi bukan hanya kepada kegagalan perniagaan tetapi juga satu isu yang utama untuk syarikat-syarikat yang maju dan pengarah-pengarah yang telah terjejas dari kegawatan ekonomi semasa. Isu rumit peruntukan yang sedia ada adalah untuk skim penyusunan di antara ahli-ahli syarikat dan pemiutang-pemiutang di bawah Seksyen 176, mungkin tidak mencukupi untuk memberi perlindungan kepada syarikat-syarikat yang maju yang mana mereka itu mungkin mengalami kesulitan kewangan sementara. Baru tadi Yang Berhormat dari Kuala Pilah juga menyentuh berkenaan dengan pengurusan kehakiman, dengan izin, there is judicial management.

Tuan Yang di-Pertua, pengurusan kehakiman akan memberi arahan pentadbiran yang sesuai bagi sebuah syarikat insolvent yang berdaya maju untuk ditadbirkan oleh seorang pentadbir yang dilantik oleh mahkamah. Pentadbir ini akan membantu syarikat tersebut menguruskan perniagaan syarikat dalam masa kesulitan ataupun membantu merealisasikan aset syarikat jika perlu daripada membiarkan syarikat tersebut dibubarkan. Dengan kata lain, pengurusan kehakiman diwujudkan untuk memberi perlindungan kepada para pemiutang syarikat dan pemegang saham daripada berlakunya ketidakadilan.

Pengurusan kehakiman yang dikenali sebagai voluntary administration di negara Australia, judicial administration di Singapura dan chapter eleven di Amerika Syarikat telah memberikan satu skim berfaedah untuk perniagaan yang meleset tetapi berdaya maju untuk dipulihkan. Dengan demikian, memandangkan kepada kegawatan ekonomi yang dialami kini dan penambahan bilangan syarikat yang mengalami kesulitan kewangan, pengurusan kehakiman patut diperkenalkan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, keyakinan umum harus ditingkatkan dengan mengadakan ketelusan dengan izin, transparency dan pendedahan yang mana ia dapat mengharmonikan keperluan pendedahan perusahaan dengan pengamalan

Piawaian Perakaunan Antarabangsa, there is International Accounting Standard (IAS). Ini hanya boleh dicapai melalui pindaan-pindaan kepada Akta Syarikat 1965 supaya menggubal peruntukan pendedahan yang disebar luaskan oleh IAS. Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia dengan izin, there is a Malaysian Accounting Standard Board telah ditubuhkan tahun lalu untuk memastikan syarikat-syarikat yang diperbadankan di Malaysia mematuhi kesemua peruntukan dan pendedahan kepada penyata kewangan. Institute Accountant Malaysia boleh mengawal selia ahli-ahlinya untuk memastikan kepatuhan kepada IAS tetapi ianya mungkin kekurangan struktur perundangan untuk bertindak tegas. Institute Accountant Malaysia patut diberi kuasa yang penuh untuk merumuskan piawaian-piawaian yang mengawas ahli-ahlinya dan peranan LPPM there is MASB akan menjadi lebih mudah jika LPPM boleh mengumumkan piawaian perakaunan yang diluluskan melalui perhubungan yang dibuat bersama dengan Institute Accountant Malaysia.

Oleh yang demikian, kerajaan harus memastikan bahawa LPPM memainkan peranannya secara berkesan untuk syarikat-syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat. Ini hanya boleh tercapai jikalau LPPM bersama Institute Accountant Malaysia mengikut dengan teliti piawaian perakaunan yang dilulus dan diumumkan sebagai mandatori kepada ahli-ahlinya. Transparency dan sistem persamaan pendedahan akan dicapai jika kita membuat pindaan-pindaan yang berkaitan kepada Akta Syarikat dan Jadual Kesembilan dengan izin, there is Ninth Schedule agaknya dapat dikemaskinikan supaya selaras dengan peruntukan-peruntukan IAS yang terbaru. Institute Accountant Malaysia dan LPPM harus dilihat sebagai satu unit yang berkerjasama untuk mempertingkatkan piawaian-piawaian kepada laporan kewangan di Malaysia. Pada tahun 1992, Akta Syarikat telah digubal supaya tempat bagi mesyuarat-mesyuarat agung tahunan syarikat dihadkan kepada negeri di mana terletak pejabat pendaftarnya dengan penggunaan

infrastruktur dan cara berkomunikasi yang lebih baik. Sekatan ini harus dibubarkan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Tambun.

5.05 ptg.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Tuan Yang di-Pertua, antara faktor yang boleh membawa kita keluar daripada kemelut ekonomi sekarang adalah kecekapan sektor swasta.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah membentangkan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Syarikat 1965 sebentar tadi bagi tujuan memperkenalkan beberapa seksyen untuk memperkemaskan lagi Akta Syarikat 1965. Saya mengalu-alukan tindakan tersebut. Sepertimana kita ketahui seksyen baru 11A umpamanya di mana untuk tujuan penyimpanan dokumen daripada syarikat, Pendaftar Syarikat boleh menggunakan alat-alat penyimpanan secara elektronik. Ini tentunya akan mengemaskini serta mewujudkan sistem yang lebih baik dalam penyimpanan rekod serta dokumen daripada syarikat-syarikat. Dengan demikian, pemindahan dokumen daripada syarikat kepada badan-badan atau syarikat yang memerlukan dokumen-dokumen tersebut akan menjadi lebih teratur lagi.

Pada masa-masa lalu saya dapati dokumen-dokumen diletak di dalam satu fail dalam bentuk kertas yang asal dan biasanya apabila seorang telah membuat registrar search, fail akan disimpan untuk dikemas kini dan hanya 3 hari selepas itu baru seseorang individu atau pihak lain boleh menggunakan fail tersebut. Saya berharap dengan cara baru ini syarikat-syarikat serta pihak-pihak yang memerlukan dokumen feedback peguam, pembekal dan sebagainya akan

dapat menerima dokumen tersebut dengan cepat dan keputusan-keputusan yang cepat akan dapat dilakukan untuk meningkatkan kecekapan sektor swasta.

Walau bagaimanapun, saya ingin membuat gesaan kepada Pendaftar Syarikat supaya dapat meningkatkan kecekapan mereka. Tidak guna kita mengadakan alat penyimpanan secara elektronik tetapi dokumen-dokumen tersebut tidak ada. Umpamanya, dalam fail kadangkala kita dapati sekarang tahun 1998, penyata kewangan yang sepatutnya ada selewat-lewatnya pada tahun 1996 ataupun 1997 tetapi kadangkala kita dapati dokumen kewangan yang ada begitu lewat sekali. Oleh kerana dalam dunia yang begitu kompetitif saya lihat pengalaman-pengalaman baik dari segi banker mahupun dari segi syarikat-syarikat pembekalan, mereka akan menggunakan dokumen yang tidak up-to-date untuk membuat keputusan. Inilah antara sebabnya mengapa sektor swasta kita tidak mencapai tahap kecekapan tinggi yang sepatutnya. Saya juga berharap bahawa Pendaftar Syarikat dapat meningkatkan kecekapan terutama dalam keadaan sekarang banyak kegiatan dalam sektor swasta dipenubuhan syarikat penggabungan merges and acquisition serta syarikat-syarikat yang di bawah tanggungan dan akan dibubarkan dengan meningkatnya kecekapan ataupun efficiency Pendaftar Syarikat maka proses-proses penubuhan merges and acquisition dan sebagainya akan dapat dilicinkan.

Saya juga ingin menyentuh soal tentang gangguan pasaran sekarang ini, market distortion. Kita dapati sekarang permintaan di dalam negara kita merosot, tetapi dalam pada itu kita dapati bahawa harga barangan meningkat. Jadi, saya anggap tentu ada distortion di dalam pasaran negara kita, kita ambil macam kes gula. Apabila menteri mengumumkan harga gula akan dinaikkan dalam tempoh 2 bulan daripada sekarang, tiba-tiba serta-merta esoknya bekalan gula sudah tidak ada di pasaran. Ini saya percaya disebabkan oleh tindakan yang menyeleweng ataupun manipulasi yang dijalankan oleh pembekal, pemborong ataupun peruncit. Jadi, saya berharap bahawa kementerian akan

menggunakan akta ini terutama di bawah seksyen baru 16(8) serta 218(1) yang memberi kuasa kepada Pendaftar Syarikat untuk enggan menerima pendaftaran syarikat. Sekiranya syarikat digunakan untuk tujuan yang tidak menjaga kepentingan serta kebajikan negara kita ataupun pendaftar mempunyai kuasa untuk membubar syarikat-syarikat jika operasi dan kegiatan syarikat tersebut bertentangan dengan kepentingan negara.

Saya berharap bahawa kementerian akan membuat kajian yang mendalam untuk mengkaji sistem pasaran kita secara menyeluruh dan apabila terdapat syarikat-syarikat yang mengamalkan penyelewengan serta manipulasi. Akta ini harus digunakan dengan penuh keberanian supaya rakyat negara kita dan negara keseluruhannya dapat perlindungan daripada kerajaan.

Saya juga ingin menyentuh tentang soal pentadbiran dan pengurusan syarikat ataupun governance and management of company, saya ingin menyentuh beberapa perkara yang berkaitan dengan Akta Syarikat 1965. Pertama soal Memorandum of Association. Memorandum of Association menetapkan salah satu fasal yang ditetapkan tentang objektif syarikat ditubuhkan. Dan objektif syarikat ini penting, pertama untuk menentukan apakah kegiatan syarikat dan kepada pelabur ia penting dari segi ia menggunakan Memorandum of Association ini untuk membuat kajian. Apakah aktiviti yang akan dijalankan dan berasaskan kepada aktiviti tersebut pelabur sanggup mengeluarkan kewangan dan sanggup untuk melabur. Dan ia juga digunakan oleh pembekal, pemberi kredit, pihak bank dan sebagainya berasaskan kepada Memorandum of Association terutama fasal Objektif sepertimana yang saya nyatakan. Apa yang saya dapat lihat apabila kita menubuhkan syarikat, kita menyediakan memorandum dan articles of association dalam Memorandum of Association kita dapati di bawah fasal Objektif ada terdapat berpuluh-puluh kegiatan, pada hal dia hendak menjalankan kegiatan, satu atau dua kegiatan. Kita ambil contoh, umpamanya

syarikat pemaju perumahan, objektifnya adalah untuk memajukan perumahan. Kalau dia hendak berkembang related businessnya, dia menjadi kontraktor ataupun pembekal bahan-bahan perumahan, itu dia punya bidang. Tetapi bagi syarikat itu objektifnya sampai berpuluh, tiga, empat puluh, apa yang berlaku, yang saya perhatikan apabila syarikat menubuhkan pada dasarnya objektif adalah untuk tujuan sebagai pemaju perumahan. Oleh kerana objektifnya begitu banyak, dia masuk dalam bidang-bidang yang lain tanpa disedari oleh pemegang saham dan juga pihak-pihak lain dan akhirnya dia menghadapi kerugian dan ini juga tidak menggalakkan kepada kecekapan sektor swasta kerana apabila cakap tentang soal kecekapan sektor swasta bermakna bahawa syarikat-syarikat yang bergiat mesti pertama fokus kepada bidangnya untuk ia mendapat kecekapan yang tinggi dari segi ilmu pengetahuan, kemahiran networking dan sebagainya. Tetapi apabila dia masuk dalam bidang lain yang bertentangan, fokusnya telah hilang.

Saya ada bertemu dengan pegawai kanan dalam, kita ambil antara syarikat-syarikat yang besar sekarang, Syarikat DRB-Hicom, saya tanya kepada dia, dia bergiat dalam bidang apa? Dia kata bidang otomobil, kemudian oleh kerana dia dalam top management, saya kata macam mana pula you ada syarikat perkhidmatan bas? Kemudian dia kata, ini yang pening ini, dia menjaga dari satu bidang ke satu bidang yang berbeza. Dalam pada itu ada pula pengangkutan sampah, jadi kecekapan kita dalam bidang, kalau dari segi kepentingan negara, ataupun untuk kita melahirkan kecekapan dalam sektor swasta, sepatutnya Hicom terlibat dalam bidang automobil dan related industries. Jadi, dia mempunyai kekuatan engineering dia, kekuatan dari segi networking dia dan pengurusan operasi yang lain dan dia boleh menjalankan kerja penjimatan dan sebagainya. Tetapi oleh kerana dia terlibat dalam bidang bas awam dan sampah, jadi dari segi thinking management, dari segi pelaksanaan dia jadi lain. Saya tanya kawan saya, dia terlibat dengan

syarikat-syarikat management yang tinggi, dia rasa pening yang mana satu dia hendak tengok. Jadi, saya berharap, walau di mana dunia pun dia menggunakan sistem dalam Memorandum of Association di bawah fasal Objektif dia meletakkan sampai 30, 40 objektif syarikat. Tapi dalam konteks negara kita, saya percaya, kita harus mempunyai sistem yang lain daripada negara lain yang dapat memberikan efisiensi serta kecekapan yang tinggi dalam sektor swasta dan tidak menjadi kerugian kalau kerajaan mengkaji sama ada Memorandum of Association dalam fasal Objektif ini harus diperkecilkan supaya dapat menumpukan kepada sektor berkenaan.

Jikalau pada masa yang lain, tiba-tiba ada peluang untuk dia pelbagaikan (diversification), pihak berkenaan boleh membuat permohonan kepada kementerian, dan tentunya permohonan memerlukan dokumen dan syarikat yang terlibat sebagai pihak-pihak management, baru dia hendak membuat kajian yang lebih mendalam apabila dia menyediakan dokumen terutama feasibility study untuk mendapat kelulusan daripada perdaftar perniagaan.

Organ yang kedua yang penting dalam soal pentadbiran dan pengurusan syarikat ini adalah Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah mempunyai peranan yang cukup besar, ia bukan sahaja menetapkan dasar serta hala tuju syarikat, ia juga bertanggungjawab untuk menjaga:

- (i) kepentingan syarikat;
- (ii) kepentingan pemegang saham;
- (iii) kepentingan creditor; dan
- (iv) kepentingan kakitangan.

Ia juga bertanggungjawab dalam meluluskan akaun bulanan dan sebagainya dan ia juga menetapkan dividen walaupun dividen akhirnya diluluskan dalam mesyuarat agung tahunan syarikat. Saya ingin mendapat pandangan daripada kementerian bagaimanakah akta ini dapat mengelak Ahli Lembaga Pengarah

daripada menyalahgunakan kuasa. Salah satu punca kepada kejatuhan syarikat adalah Ahli Lembaga yang menyalahgunakan kuasa. Penyalahgunaan kuasa ini boleh berlaku begitu senang, pertama dia boleh menetapkan emolumen dia.

Saya ada buat kajian, syarikat yang mana Ahli Lembaga Pengarah seramai 6 orang mendapat yuran Ahli Lembaga Pengarah sebanyak RM800,000 setahun. Malahan ada perancangan untuk dinaikkan kepada lebih RM1 juta tetapi Ahli Lembaga Pengarah kata, ini kalau naik nanti, pemegang saham tidak setuju dan sebagainya. Jadi, ini bermakna bahawa kuasa Ahli Lembaga Pengarah begitu besar untuk menetapkan emolumen. Walaupun ini dibawa dalam mesyuarat agung tahunan, tetapi kadangkala syarikat dikuasai oleh beberapa orang pemegang saham utama dan Ahli Lembaga Pengarah juga memainkan peranan, kalau kita lihat dari segi mesyuarat agung syarikat, kadangkala dalam 5 minit sudah selesai, kerana peranan yang dimainkan oleh Ahli Lembaga Pengarah dan juga kerana syarikat dimiliki oleh beberapa orang pemegang saham yang besar. Jadi mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah tidak membincangkan secara terperinci dan jikalau ada berlaku ketidakadilan atau pun penyelewengan dalam syarikat, ia tidak berkuasa untuk mengubahnya kerana proses mesyuarat berjalan dalam masa 5 hingga 10 minit sahaja.

Kemudian kita dapati, penyelewengan yang boleh berlaku dari segi memberi pinjaman kepada Ahli Lembaga Pengarah. Penyelewengan dari segi conflict of interest, kadangkala dia ada tanah, dia buat kontrak, jual kepada syarikat pada harga yang tinggi, kadang-kadang ada secret profit, dia bekerja mendapat makluman daripada syarikat, saham syarikat ini hendak naik, sepatutnya syarikat beli saham, dia yang beli saham. Jadi saya dapati bahawa dengan begitu besarnya kuasa yang membolehkan Ahli Lembaga menyalahgunakan kuasa, saya berharap dapat pihak kementerian

bagaimanakah cara-cara untuk kita mengelakkan daripada Ahli Lembaga Pengarah menyalahgunakan kuasa.

Kemudian saya berpendapat, sistem Ahli Lembaga Pengarah kita, kecuali Pengarah Urusan, Ahli Lembaga Pengarah yang lain lebih kurang macam figure head sahaja, datang untuk menghadiri mesyuarat Ahli Lembaga yang mengikut statutory requirement empat kali dalam setahun, kadangkala datang tiga kali, ada yang datang dua kali. Bagaimanakah kita harus mempunyai satu sistem walaupun Ahli Lembaga tugas dan tanggungjawab untuk menghadiri mesyuarat dan menetapkan keputusan tetapi ia bertanggungjawab kepada keseluruhan perjalanan syarikat. Kalau syarikat mengalami kerugian, saya percaya Ahli Lembaga juga mesti bertanggungjawab ke atas kerugian tersebut.

Di samping itu, saya berpendapat bahawa Akta Syarikat kita juga harus menetapkan perlantikan ahli-ahli lembaga mesti terdiri daripada orang-orang kompeten, terutama dalam syarikat awam, orang-orang yang mempunyai kelulusan accountancy, economist atau peguam. Kita tidak boleh ambil sebarang orang untuk duduk di dalam syarikat-syarikat terutama syarikat-syarikat awam.

Saya juga ingin menyentuh tentang salah satu lagi organ yang penting, iaitu audit committee. Saya harap pihak kementerian dapat membuat kajian ke atas syarikat-syarikat awam kita. Banyak manakah syarikat awam yang memenuhi peraturan untuk mengadakan mesyuarat audit committee ini. Kalau tidak silap saya, audit committee dikehendaki bermesyuarat empat kali dalam setahun. Saya rasalah banyak syarikat awam kita yang mesyuaratnya sekali atau dua kali, padahal audit committee ini merupakan satu committee yang begitu penting untuk menetapkan standard account financial system, stocks system, credit dan keseluruhannya yang harus ditetapkan oleh audit committee, atau audit committee membuat penyemakan ke atas sistem kewangan dan

perakaunan sesuatu syarikat. Saya juga berharap mesti ada kelulusan yang minimum untuk menjadi audit committee kerana saya dapati dalam kajian saya berbincang dengan beberapa pihak, ada audit committee yang terdiri daripada orang yang tidak ada kelulusan. Bagaimanakah dia hendak memainkan peranan untuk membetulkan sistem accounting dan sistem kewangan dalam syarikat-syarikat tersebut.

Lagi satu organ penting adalah setiausaha syarikat. Sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, Malaysian Institute of Chartered Secretary Association (MICSA) sedang mengadakan satu kursus 6 bulan untuk melahirkan setiausaha syarikat. Saya menyokong kerana di atas keperluan, kita mempunyai ramai setiausaha syarikat, jadi kursus ini diadakan dalam tempoh 6 bulan, dia boleh beri sijil untuk seorang individu yang lulus, diapractice untuk menjadi setiausaha syarikat. Ini adalah satu program yang fast track, daripada kursus Institute of Chartered Secretary Administration yang sepatutnya dalam 4 tahun dipendekkan menjadi 6 bulan. Saya menyokong usaha itu, terutama memberi peluang kepada golongan bumiputera untuk ramai dalam profesion sebagaimana company secretary.

Tetapi yang saya ingin sentuh, saya minta pihak kementerian untuk melihatnya, kita ambil contoh dari segi ekonomi negara kita, Tuan Yang di-Pertua. Kita mencapai satu kejayaan yang kita anggap sebagai a miracle. Bila tahun lalu datang masalah-masalah yang menyerang negara kita, baru kita tahu bahawa miracle itu bukan miracle. Seseengahnya adalah orang yang window dressing sahaja menjadi seorang usahawan yang kita anggap besar, kerana dia disokong oleh bank, disokong oleh beberapa pihak.

Jadi, yang saya bimbang bila satu kursus 4 tahun dipendekkan menjadi 6 bulan, bagaimanakah kita hendak mempertahankan kualiti orang yang jadi setiausaha. Tuan Yang di-Pertua, saya ambil pengalaman saya dan rakan-rakan. Walaupun sekarang kita ambil setiausaha syarikat terdiri daripada

mereka dalam association tadi - MICSA kita ambil mereka yang mempunyai keahlian dalam Bar Council, kita ambil mereka daripada Malaysian Institute of Accountant dan juga daripada Malaysian Association of Certified Public Accountant menjadi company secretary, tetapi mutu dan tahap perkhidmatan mereka itu tidak begitu hebat. Dari segi statutory requirement untuk mesyuarat ahli lembaga dalam 3 bulan sekali mesti ada, tetapi kalaulah pihak syarikat ataupun ahli lembaga atau pengerusi tidak memberitahu bahawa kita mesti mengadakan mesyuarat yang akhir bulan Januari dan kemudian bulan April, kalau tidak diberitahu, company secretary dia akan diam sahaja. Ini ialah berkaitan dengan mutu perkhidmatan yang diberikan. Kalau individu begini, daripada empat profesion ini mengambil masa bertahun-tahun untuk mendapat kelulusan pun tidak begitu cekap, saya bimbang dalam tempoh 6 bulan, kita melahirkan setiausaha syarikat yang tidak begitu cekap. Kita tahu peranan setiausaha syarikat begitu besar, dialah yang akan mengeluarkan sijil saham syarikat, menyimpan buku, mendaftar keahlian syarikat, akhir tahun dia juga akan melakukan annual return kepada Pendaftar Syarikat, menghantar share allotment form dan sebagainya. Ini yang saya harap pihak kementerian akan memberi perhatian.

Satu lagi organ penting adalah penyata kewangan. Saya bersetuju dengan seksyen baru 166A yang menetapkan bahawa 'penyata kewangan sebuah syarikat mesti mengikut piawaian-piawaian kewangan yang ditetapkan'. Perkara yang ingin saya bangkitkan, pertama, bagaimanakah kita hendak mengelakkan dari segi kelewatan penyata kewangan ini dikeluarkan. Saya begitu serius dengan soal penyata kewangan, kerana penyata kewangan inilah yang akan dikaji oleh pelabur, banker, creditors dan semua pihak. Kalau lambat penyata kewangan dikeluarkan, kita menggunakan penyata kewangan pada tahun 1995 untuk membuat decision pada tahun 1998. Decision kita adalah berdasarkan kepada penyata yang sudah up-dated. Bila keluar penyata

kewangan tahun 1997, barulah kita terkejut, rupa-rupanya ada transaksi yang telah merugikan syarikat pada tahun 1996, sebelumnya kita tengok track record sebelumnya selama 10 tahun sudah begitu baik.

Saya pun berpengalaman, Tuan Yang di-Pertua, bila saya bekerja di bank dahulu, macam itulah, saya tengok track record dia selama 10 tahun baik, syarikat itu belum lagi keluar penyata kewangan yang terakhir kerana belum diaudit, saya pun terima 'on surface' yang ini sudah baik, padahal yang akhir itu sebenarnya dilewatkan supaya bank membuat satu decision. Kalau bank buat satu decision berasaskan pinjaman yang beratus juta ringgit ini yang kita tidak dapat elak daripada kerugian yang pihak bank akan perolehi.

Satu lagi yang saya dapati berlaku dalam syarikat swasta, soal pembayaran wang. Kita menganggap syarikat akan menyimpan rekod yang lengkap dan teratur, tetapi ada bayaran wang yang dilakukan bukan melalui syarikat atau bukan melalui bank. Ada berlaku, Tuan Yang di-Pertua, syarikat menjual saham, tetapi entah macam mana broker saham ini dalam perbincangan, broker mengeluarkan cek bukan dibayar kepada syarikat, tetapi dibayar kepada individu syarikat. Jadi, dengan demikian, penyelewengan-penyelewengan berbagai ini akan merugikan syarikat.

Satu lagi yang saya tidak setuju dari segi penyata kewangan, walaupun ditetapkan oleh MIA dan MACPA standard piawaiannya begitu, tetapi saya tidak setuju. Dari segi disclosure terutama penyata untung-rugi (profit and loss statement), kalau dalam syarikat awam, saya dapati tiada banyak masalah, kalau penyata untung rugi, ia bermula dari perolehan, kalau jualan, ia kata jualan, kemudian perolehan, tolak kos dan sebagainya baru keuntungan sebelum cukai. Tetapi, kalau syarikat swasta, ia bermula daripada keuntungan sebelum cukai, kita tidak tahu apa yang berlaku dari segi perolehan dan sebagainya. Kalau kita membuat analisa pada penyata kewangan, antara perkara-perkara yang penting untuk kita mengkaji performance syarikat adalah kita membuat ratio analysis

dan ratio analysis ini memerlukan kita ada perolehan atau jualan dan baru lengkap analysis kita.

Umpamanya kita kata, keuntungan bersih peratus daripada perolehan atau penjualan. Baru kita dapat satu ratio yang begitu lengkap dan kita membuat kajian comparative tahun-tahun untuk menetapkan sama ada dia untung atau tidak.

Begitu juga dari segi yang lain ataupun kita hendak membuat financial projection. Financial projection untuk syarikat A, kita hendak buat untuk 5 tahun atau 10 tahun. Yang paling penting kita tetapkan dahulu ialah sale atau turnover atau perolehan dia. Dia tidak boleh bermula dengan profit before tax, dia mesti bermula dengan perolehan. Apabila syarikat-syarikat swasta, syarikat sendirian berhad terutamanya tidak menyediakan laporan begitu, dia bukan sahaja memberi disadvantage kepada syarikat itu tetapi juga disadvantage kepada pihak-pihak lain, pihak bank umpamanya, creditors dan sebagainya untuk dia membuat satu penilaian yang betul-betul memberi gambaran sebenar kedudukan syarikat tersebut. Jadi walaupun dalam Akta 166A menetapkan syarikat mesti mengeluarkan penyata kewangan mengikut piawaian tetapi saya tidak ada confident kalau full disclosure dari segi penyata kewangan tidak diberi.

Saya juga ingin menyentuh tentang kemelut ekonomi ini. Ada beberapa isu yang ada disentuh oleh Yang Berhormat dari Kuala Pilah tadi. Dalam keadaan ekonomi sekarang ini ada dua aktiviti yang aktif kita dapat lihat terjadi. Satu, mergers and acquisition ataupun penggabungan dan pengambilan alih syarikat. Ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh dari segi soal prospectusnya. Dari segi menyediakan prospectus untuk menentukan fakta-faktanya betul atau tidak, itu saya tidak pertikaikan, kerana ia biasa melibatkan ahli lembaga pengarah, setiausaha syarikat, pegawai-pegawai kanan, lawyer dan juga auditor. Jadi maklumat itu lengkap.

Yang saya dapati agak kurang adalah dari segi laporan penilaian (valuation report), tanah dan sebagainya. Kerana ini dilakukan oleh valuers swasta dan saya rasa bimbang tentang valuers ini, kerana kita menetapkan fee untuk dibayarkan kepada valuers berasaskan kepada nilai harga tanah yang ditetapkan. Kalau bayarannya setengah peratus daripada nilai tanah, kalau valuers menilai tanah berharga RM1 juta, dia baru dapat setengah peratus daripada RM1 juta. Kalau dia nilai RM10 juta, dia dapat setengah peratus kepada RM10 juta. Jadi, kepada valuers, kepada dia yang pentingnya ialah mendapat keuntungan.

Itu sebabnya kalau kita buat satu kajian sebidang tanah, katalah tanah Parlimen ini. Kita panggil 10 valuers buat secara terasing, kita akan dapat 10 valuation. Terutama kalau Tuan Yang di-Pertua sendiri beritahu kepada valuers A, naikkan tinggi, saya rasa dia akan naikkan tinggi supaya dia dapat fee yang tinggi. Akibat daripada itu nilai tanah dibuat secara tidak saksama, harganya tidak betul. Bila harga tidak betul, bila berlaku dalam proses mergers and acquisition, kita hendak menentukan nilai harga saham, kita akan bermula dengan net vote value, kita akan mendapat net vote value yang lebih tinggi daripada yang sepatutnya. Dalam kita menilai harga satu unit saham sebuah syarikat, kita bermula dengan net vote value dan kemudian kita berakhir dengan kita membuat kajian tentang future earning potential dan kita akan ambil average daripada net vote value sampai ke future earning potential, kita akan ambil harga pertengahan sahaja dan harga ini yang digunakan. Kalau net vote valuenya sudah tinggi, bermakna harga saham syarikat tersebut akan menjadi begitu tinggi.

Begitu juga bila kita pinjam duit daripada bank dengan nilai yang tinggi, before sales valuenya, saya tidak berkata for sales value, bila berlaku penjualan sebenarnya, lelongan, harga tanah menjadi begitu kecil dan bank akan menghadapi masalah. Saya percaya sekarang majoriti bank kita, harga saham

kita sudah tahu, bila dicagarkan harga yang tinggi sekarang dengan kejatuhan pasaran saham bermakna bank menghadapi masalah kerana realise value daripada sales saham tadi tentu rendah. Yang memegang tanah juga menghadapi masalah. Saya percaya kalau pihak bank melihat balik kepada harga tanah yang dinilai oleh valuers tadi, dibandingkan dengan harga sekarang, saya rasa jauh berbeza daripada harga yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, pada masa itu tidakkah valuer itu akan bertanggungjawab, dia kena bayar.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Yang saya dapati biasanya, akhirnya dari segi laporan valuers, dia akan letak satu market value, berapa harganya, kemudian dia akan letak for sales value, tetapi bila jual sebenarnya, dia tidak bertanggungjawab sebab ini adalah tertakluk kepada harga pasaran dan tidak ada clause dan tidak pernah kita dapati seorang valuers di bawa ke mahkamah di atas kesilapan dia membuat valuation. Belum terjadi dalam sejarah komersial negara kita kerana dia ada buat qualified statement di dalam laporan beliau.

Saya juga ingin menyentuh tentang soal aktiviti yang keduanya, tentang aktiviti tanggungan dan penggulangan syarikat. Saya memang bersetujulah apabila syarikat telah hadapi pada satu tahap yang agak sedikit tenat, pihak creditors akan meminta mahkamah untuk letak di bawah receivership dan akan lantik receiver manager.

Apa yang saya hendak bangkitkan, Tuan Yang di-Pertua, saya minta ini diperhatikan oleh pihak kementerian, saya dapati kebanyakan receivership manager, oleh kerana dia dilantik oleh pihak bank, tujuan dia masuk menjadi receivership manager ini adalah untuk mendapatkan balik hutang yang dipinjam oleh syarikat. Saya berpendapat pada peringkat itu, syarikat tidak kritikal. Sepatutnya tanggungjawabnya ialah untuk menghidupkan syarikat, survival of the company, kita cari jalan, cari pasarannya, tingkatkan produktiviti dan

sebagainya, gunakan kreativiti kita untuk mencari pasaran dan asas dan prinsip perlantikan receivership ini adalah untuk menghidupkan syarikat. Tetapi ini tidak, oleh kerana dia dilantik oleh pihak bank dan dia menjaga kepentingan bank, kerja dia adalah untuk tutup syarikat dan dapat balik duit untuk bank.

Saya rasa keadaan ini cukup membimbangkan kerana belum ada dalam sejarah, mana-mana negara sekalipun apabila berlaku pembubaran syarikat ataupun syarikat diisytiharkan muflis, asetnya kita dapat realise, kita dapat jual pada harga yang sama dengan yang dibeli oleh syarikat. Biasanya lebih rendah lagi dan di sini biasanya kita akan guna sistem manakah keutamaan kita akan beri dari segi siapa yang dulu dibayar. Kalau bank ada fee charge, dia akan ada prioriti daripada floating charge. Ini yang berlaku, jadi apabila jual aset syarikat, biasanya wang yang diperolehi tidak sebanyak hutang yang ditanggung oleh syarikat dan akhirnya dia merugikan semua pihak.

Mengapa bank kita menghadapi masalah sekarang? Bukan bank itu tidak baik dari segi pengurusannya tetapi kerana syarikat ini telah diisytiharkan muflis, kemampuan syarikat untuk membayar balik pinjaman itu tidak ada. Jadi, saya berharap bahawa perkara-perkara ini akan diperhatikan.

Saya bersetuju dengan pindaan akta ini yang memperkemaskan lagi Akta Syarikat 1965 dan kita berharap melalui akta ini dengan penguatkuasaan yang lebih cekap lagi daripada kementerian, kita akan dapat membina sektor swasta yang lebih cekap, yang mampu untuk bertahan serta keluar daripada kemelut ekonomi. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Bintulu.

5.38 ptg.

Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merujuk kepada Fasal 3(b) dalam Rang Undang-undang bernama Akta Syarikat (Pindaan) (No.2) yang berbunyi:

“ (8) Notwithstanding anything to the contrary in this Act or any rule of law, the Registrar shall refuse to register the memorandum of a proposed company if he is satisfied that -

- (a) the proposed company is likely to be used for unlawful purposes or any purpose prejudicial to or incompatible with peace, welfare security, public order, good order or morality in Malaysia; or
- (b) it would be prejudicial to national security or public interest for the proposed company to be registered.

Rang Undang-undang Akta Pertubuhan (Pindaan) 1997, Fasal 8 berkaitan pembatalan dan penggantungan pertubuhan yang telah dibahas dan diluluskan oleh Dewan pada minggu lalu, kedua-dua peruntukan Fasal ini mempunyai maksud yang sama iaitu memberi kuasa kepada pihak berkuasa menghalang menolak permohonan pendaftaran, membatalkan pendaftaran, suatu pertubuhan, persatuan, syarikat, jika disyaki ianya boleh mengancam keselamatan negara atau memudarat atau tidak selaras dengan keamanan dan kebajikan, ketenteraman awam, ketertiban atau kemoralan.

Jika Fasal 8 Rang Undang-undang Pertubuhan (Pindaan) 1997 membawa maksud Pendaftar boleh membatalkan pendaftaran sah sesebuah persatuan, jika ia mengancam, memudaratkan atau menyusahkan kerajaan, maka Fasal 3(b) Rang Undang-undang Akta Syarikat (Pindaan) (No.2) 1997 pula menghendaki Pendaftar Syarikat menolak permohonan pendaftaran syarikat yang mana memorandumnya dianggap bertentangan dengan aspirasi negara.

Ini bererti kerajaan berusaha untuk menyekat pergerakan NGO dan membatalkan pertubuhan dan kegiatan-kegiatannya. Kes Tenaganita adalah contoh tepat di mana pihak kerajaan berharap dapat bertindak mengawalnya

sejak awal lagi. Beberapa company dan juga NGO di Sarawak pun akan menghadapi masalah. Oleh itu saya tidak bersetuju maksud fasal ini yang membataskan pergerakan berpersatuan rakyat jika ia berpuas hati kegiatan itu membahaya dan memudaratkan. Sebagai sebuah negara demokrasi yang sudah dianggap matang maka langkah draconian dan restrospective ini wajib dihapuskan. Setelah saluran Akta Pertubuhan ditutup maka kini saluran Akta Syarikat di mana syarikat-syarikat ditubuhkan dengan jaminan pun menerima nasib yang sama. Rakyat Malaysia sudah tidak bebas lagi, setiap langkah ada sekatan dan halangan sebagaimana undang-undang lain seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri (OSA), Akta Hasutan, Mesin Cetak dan Penerbitan. Kini Akta Pertubuhan dan Akta Syarikat menjadi saluran menyekat kebebasan rakyat. Semakin jauh negara berjalan, semakin jauh kita merdeka maka semakin banyak undang-undang yang menyekat amalan tulen demokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, peranan sektor perniagaan persendirian tidak boleh dinafikan. Sektor perniagaan atau perdagangan yang sihat adalah satu kunci kemakmuran dan kestabilan negara. Sejak 9 bulan yang lalu negara kita telah menerima pukulan teruk kerana kegawatan ekonomi. Banyak syarikat besar yang pernah menjadi permata ekonomi kini menghadapi musibah kewangan yang serius dan teruk. Kesan kejatuhan syarikat-syarikat ini tidak sahaja dirasai oleh masyarakat business tetapi juga oleh keseluruhan ekonomi, bank-bank telah mengetatkan kemudahan mereka dan kadar faedah sudah terlalu tinggi. Rakyat digesa supaya berjimat, berdosa-dosa ubat pahit telah ditelan, telah menyekat pernafasan setiap orang terutama business kecil dan sederhana terutama di negeri-negeri yang masih mundur seperti Sabah dan Sarawak.

Business tempatan di Sabah dan Sarawak bergantung sepenuhnya kepada pembalakan dan industri pembinaan bangunan atau perumahan. Pada hari ini syarikat pembalakan menghadapi masalah harga balak yang rendah

seluruh dunia termasuk kemerosotan nilai mata wang kita berbanding dengan US Dollar. Mereka menumpukan dan mengehendkan perniagaan mereka sama ada dalam industri pembalakan atau kilang papan bergergaji. Banyak kerja dihentikan dan dijangka berterusan dalam beberapa bulan akan datang. Banyak kem pembalakan telah dan akan ditutup. Dengan mengetatkan kemudahan pinjaman ke atas business dan pemaju-pemaju bangunan atau perumahan banyak projek perumahan dijangka tersadai dan banyak projek perumahan akan menghadapi kesan buruk atas semua industri sokongan yang ada kaitan. Ini bermakna lebih ramai akan diberhentikan kerja dan pada amnya ia melambatkan kegiatan perniagaan dalam bandar-bandar di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, langkah berjimat memang baiklah tetapi tidak semua business atau kerajaan atau swasta secara mengejut meminta siapa jangan belanja lagi. Saya rasa perkara ini sudah keterlaluan di Sarawak. Kebiasaan berbelanja terlalu konservatif akibatnya ia membantut pertumbuhan ekonomi dan kegiatan yang amat diperlukan. Terdapat lebih kurang 2 juta orang di Sarawak manakala sektor perniagaan hanya lebih kurang 10% ke-20% dari jumlah penduduk. Pinjaman untuk kegiatan business yang produktif hendaklah digalakkan bagi memampankan kegiatan business yang sangat-sangat diperlukan. Sarawak perlu modal pelaburan yang besar dan banyak untuk merencanakan ekonomi tempatan supaya ia tidak terlalu bergantung sepenuhnya kepada kayu balak dan projek perumahan. Terdapat juga keperluan sektor pengeluaran menjadi teraju supaya lebih banyak syarikat sokongan tempatan ditubuhkan.

Dalam hubungan ini, lebih banyak tanah industri dibuka bagi menggalakkan pelaburan sektor pembuatan. Pada masa ini tanah industri di Bintulu sungguh mahal, lebih kurang RM300 ribu setiap ekar. Tempat di mana tanah seperti ini lebih banyak ditawarkan maka tidak perlu tanah industri ini dijual pada harga tinggi. Ia tidak menyumbang ke arah menggalakkan industri

kecil pengeluaran yang dipelopori generasi muda tempatan yang tidak mempunyai modal dan tempat untuk beroperasi. Jika semua modal dikumpul untuk membiayai kos tanah yang tinggi maka golongan usahawan muda tidak berpeluang untuk bermula. Akibatnya jenis perniagaan yang penduduk Bintulu boleh ceburi ialah membuka sebuah kedai runcit menjual pakaian atau jam, radio, barang-barang elektrik, hardware, alat tulis, kedai kopi dan lain-lain perkhidmatan. Inilah kegiatan business bagi kebanyakan penduduk Bintulu dan lain-lain bandar di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu memikirkan semula desakan perniagaan kita dan supaya kita boleh membenarkan generasi peniaga muda membuka lebih banyak syarikat. Semakin berjaya dan tahan lasak perniagaan kita, semakin baik untuk negara kerana ia menambah pendapatan kepada kerajaan. Jika semua perniagaan berhenti, apa lagi yang kita ada. Barangkali kegiatan negara juga turut terhenti. Oleh itu adalah penting kita memupuk perniagaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Syarikat Malaysia sangat mirip dengan Akta Syarikat negara-negara Komanwel. Kebanyakan negara Komonwel masih belum melaksanakan konsep mendaftar setiausaha syarikat sebagaimana yang kita lakukan sekarang. Saya memahami maksud baik peruntukan iaitu untuk meningkatkan standard profesional setiausaha syarikat tetapi pada praktiknya tidak mencapai objektif yang dicita-citakan. Sebenarnya ia mendatangkan banyak hasil kepada Pendaftar Syarikat kerana dalam tempoh tiga tahun peralihan, setiap setiausaha syarikat yang berdaftar terpaksa membayar antara

RM600 ke 700. Perbelanjaan ini tidak wujud sebelumnya. Maka adalah perlu untuk mengurangkan kepada jumlah yang kecil. Saya faham sekarang setiausaha syarikat ini dikehendaki menghadiri seminar dan lain-lain. Ini menyebabkan pertambahan belanja dan setengah menghadapi masalah akademik juga kerana dalam pemilikan perniagaan keluarga, tidak semua yang memegang jawatan penting adalah pemilik atau pemegang ijazah perniagaan dan mahir berbahasa Melayu atau bahasa Malaysia atau English.

Amalan ini mendahului masa dan tidak membantu operasi perniagaan tetapi ia mewujudkan lebih kerja. Di bawah peruntukan sekarang setiausaha syarikat atau firma odit yang berdaftar adalah bersifat menjadi pegawai tambahan. Seseengah firma odit atau syarikat perkhidmatan setiausaha didaftar untuk memberi perkhidmatan setiausaha, dan apabila mereka bertindak bagi pihak syarikat tidak ada hak mereka disifatkan bertanggungjawab bagi operasi syarikat. Dalam situasi ini setiausaha syarikat tidak seharusnya dibebankan tanggungjawab syarikat. Dalam hubungan ini pihak yang menyediakan perkhidmatan setiausaha bukanlah sebahagian syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, kes-kes mahkamah melibatkan banyak kes perniagaan yang mengambil masa yang lama untuk diselesaikan di mahkamah. Akibatnya ia tertangguh selama bertahun-tahun sudah pasti ini tidak mencerminkan kecekapan sebenar menyelesaikan masalah perniagaan di dalam mahkamah. Kadangkala satu kes kutipan wang hutang boleh memakan masa bertahun-tahun, dan syarikat telah mengambil peluang ini bagi membuat diri mereka didakwa kerana melengahkan masa. Perniagaan yang berjalan cara ini dianggap tidak sihat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bukit Mas.

5.53 ptg.

Tuan Michael Lisa Kaya [Bukit Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang ini, dan ingin mengucapkan tahniah dan berbanyak terima kasih, khusus kepada Dato' Timbalan Menteri yang telah membentangkan pindaan Rang Undang-undang ini.

Pertama sekali saya ingin sentuhkan iaitu Fasal 2 Tuan Yang di-Pertua, di mana ia bertujuan memasukkan seksyen baru 11A untuk membolehkan dokumen yang dikehendaki di bawah akta difailkan atau diserahkan secara elektronik dengan Pendaftar. Saya rasa pindaan ini satu langkah yang bijak, sesuai dan tepat dengan perkembangan semasa. Tahniah sekali lagi kepada kementerian dan oleh kerana setakat ini kita ingin supaya negara kita maju selaras dengan negara-negara maju yang lain. Saya rasa di peringkat kementerian masing-masing harus berkembang mengikut perkembangan semasa. Ini satu perkembangan yang baik yang saya ras wajar dipuji dan saya ingin minta Dato' Timbalan Menteri menerangkan secara terperinci bagaimana ini dapat dilaksanakan.

Sehubungan dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya di sini juga mengenai perkembangan seperti begini yang begitu memanfaatkan khususnya masyarakat yang terlibat dalam perdagangan. Saya ingin tahu sekali lagi misal kata di negeri Sarawak ataupun Sabah, sekiranya kita ingin menubuhkan sesebuah syarikat ia memakan masa berapa hari, satu, dua, tiga hari atau satu minggu? Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, perkara ini saya pernah bangkit pada masa dahulu, dan oleh kerana perkembangan yang ada di depan kita ini, satu perkembangan elektronik yang begitu canggih dan kita berharap misal kata kawasan saya di Limbang kalau mereka ingin menubuhkan sebuah syarikat, hendak pergi ke Miri Tuan Yang di-Pertua, baru dapat. Pergi ke Miri atau pun pergi ke Kota Kinabalu yang maksud saya di sini iaitu, walaupun perkembangan seperti begini berlaku di negara kita tetapi ada tempat-tempat

lain seperti yang saya sebutkan tadi masih ketinggalan. Apakah pandangan kementerian untuk mengimbangkan perkembangan di dalam penubuhan syarikat? Sehubungan dengan ini saya pun betul-betul setuju kerana banyak pindaan yang menyentuh hal-hal yang penting.

Yang kedua yang saya akan sentuhkan iaitu Fasal 3 yang bertujuan meminda Seksyen 16(2) Akta untuk menghendaki suatu akuan pematuhan yang dibuat oleh setiausaha pertama syarikat, diserahkan-simpan dengan Pendaftar bagi maksud memperbadankan sesuatu. Seterusnya juga memberi Pendaftar kuasa untuk enggan mendaftarkan memorandum syarikat. Saya tertarik hati dengan pindaan ini, saya ingin petikkan satu contoh Tuan Yang di-Pertua, kita selalu mendengar rakan sebelah sana pihak pembangkang selalu menyatakan, misalnya ada pernah menyatakan tadi NGO yang ditubuhkan. Dari pengalaman saya Tuan Yang di-Pertua saya sebutkan contohnya bukan saya ingin menyentuh misal kata Sahabat Alam Malaysia tidak baik, tapi dari segi penubuhan Sahabat Alam Malaysia misal kata NGOs, mungkin baik, tapi dari segi pelaksanaan misal kata dalam tahun 1991, Tuan Yang di-Pertua saya sendiri berhadapan dengan NGOs sama Sahabat Alam Malaysia. Lapan kali membuat benteng di kawasan kita, sebetulnya kalau mengikut perasaan dan pandangan mata tidak wajar, dengan izin very uncivilized act.

Pertama kali seperti yang disebutkan di dalam akta pindaan ini ia mengacau keamanan, meruntuhkan moral masyarakat tempatan seperti masyarakat saya, Orang Ulu. Waktu mereka buat benteng, Tuan Yang di-Pertua sengaja suruh mereka buka baju, kaum Penan atau Orang Ulu, kaum saya sendiri. Tetapi Sahabat Alam Malaysia, kalau mereka ingin betul-betul menjaga alam sekitar ini, misal kata saya petikkan satu sahaja. Apakah salahnya mereka menganjurkan seminar? Tuan Yang di-Pertua ajar Orang Ulu jaga alam sekitar, tetapi yang penting itu dia hasut masyarakat Orang Ulu, itu tahun 1991 Tuan Yang di-Pertua, lapan kali saya berhadapan, ada pernah

bersama-sama kaum Senoi di Sarawak. Kita tidak mahu menjalankan tugas supaya tidak menjagakan keamanan, ketenteraman awam dan moral sesuku kaum itu. Dan selepas itu dalam tahun 1992 selepas kita mengadakan perhimpunan kemuncak di Rio de Janeiro, saya pun ikut, saya jumpa Bruno Menser sendiri di sana dengan salah satu seorang daripada Sarawak, Sahabat Alam Malaysia bernama Anderson Matang Urut. Saya tanya mereka, mereka tak dapat jawab apa-apa Tuan Yang di-Pertua, itu yang saya sentuhkan di sini, tanyalah kepada kementerian, Pendaftar harus diberi kuasa Tuan Yang di-Pertua. Ada syarikat-syarikat yang ditubuh untuk tujuan yang baik, tetapi dari segi pelaksanaan lain cara, saya tidak menyalahkan, misal kata apa yang mereka buat di Sarawak pada masa dulu, kerana saya tengok di sebaliknya mereka menghasut, tidak mahu berbincang dengan syarikat firma-firma atau syarikat pembalakan, tidak mahu berbincang dengan kerajaan negeri, terus hasut supaya buat benteng, akhir-akhir sekali yang menderita orang tempatan, Tuan Yang di-Pertua dua minggu tidak pergi ke ladang, dua minggu tidak dapat menoreh getah, akhir sekali mereka tidak ada duit. Selepas kita menerangkan pada orang tempatan, orang kita juga baru mereka faham, setakat ini sukar sekalilah untuk Sahabat Alam Malaysia pergi ke kawasan saya di Bukit Mas sebab mereka di sana cakap, “jangan pergi sini”.

Maksud saya di sini, kalau ada syarikat-syarikat yang ada ditubuhkan peranannya menyalahi dari segi undang-undang, saya ingin bertanya pada Dato' Timbalan Menteri, apakah tindakan untuk diambil. Bolehkah kita bubarkan ataupun kalau ada syarikat, misal kata NGO yang ditubuh seperti Sahabat Alam Malaysia, kalau mereka datang ke Sarawak. Banyak perkara yang saya boleh buat, sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang saya malu, mereka panjat pokok pergi sana, macam orang hutan, kita sendiri malu tengok.

Oleh kerana itu saya bersetuju dengan pindaan ini dengan sebulat suara tahniahlah betul-betul. Saya berharap kuasa ini betul-betul diberi kepada

Pendaftar Syarikat untuk membubarkan syarikat yang berselindung. Saya bersetuju sekiranya ketenteraman awam diganggu, ambil sahaja tindakan.

Sehubungan dengan itu, sebelum saya pindah kepada perkara lain, saya ingin meminta kepada kementerian misal kata baru-baru ini saya mendengar Bruno Manser datang ke Sarawak, boleh datang, saya ingin tahu bolehkah kementerian mengkaji semula apakah peranan Sahabat Alam Malaysia di Sarawak. Saya ingin tahu adakah untuk menghasut orang di sana. Kita di sana sekarang misal kata saya selalu katakan, Tuan Yang di-Pertua, kawasan saya betul-betul menyokong Barisan Nasional, 100% menang tiga kerusi tanpa bertanding, bagus, Tuan Yang di-Pertua.

Saya tidak mahu equilibrium ini, dengan izin, being disturb. Cuba kaji peranan Sahabat Alam Malaysia di kawasan kita, bukan kawasan saya, di negeri Sarawak. Apakah tujuan mereka, kalau menyalahi undang-undang ambil tindakan kerana sekarang kita mengubah supaya Pendaftar Syarikat diberi kuasa, pakailah kuasa, Tuan Yang di-Pertua.

Sehubungan dengan ini, saya juga ingin bertanya berapakah syarikat ataupun NGOs yang ditubuhkan di bawah Pendaftar Syarikat Registrar Of Companies (ROC) dan Registrar of Society. Saya betul-betul mendengar apa yang disuarakan oleh rakan kita di sebelah sana daripada Pembangkang, kalau kita membandingkan sebagai seorang manusia biasa kita sendiri membuat keputusan, tidak payah kita mengatakan gangster UMNO seperti yang dikatakan tadi, gangster MCA. Kalau perangai mereka seperti begini jadi Ahli Lembaga dalam syarikat NGO, memanglah. Apa yang mereka bertindak mengikut perasaan, kalau ada gangster MCA dan gangster UMNO, bagaimana mereka dapat duduk di sini, Tuan Yang di-Pertua.

Maksud saya di sini iaitu sekiranya di dalam kita berdebat di sini tidak payahlah, dengan izin, lower that kind of standard dan kalau perangai seperti ini kita bawa ke dalam tenaganita, memanglah, kegiatan mereka macam gangster

juga. Ini yang saya ingin sampaikan kepada mereka. Saya bersetuju, tetapi yang penting kita sebagai pemimpin ataupun Ahli Lembaga dalam syarikat yang tertentu harus ada peranan dan tanggungjawab yang besar.

Sehubungan dengan itu, saya ingin menyentuh hal yang disentuh oleh rakan dari Tambun iaitu bilakah kementerian akan mengadakan satu peraturan di mana mereka yang diberi kuasa ataupun yang boleh memegang jawatan Ahli Lembaga Pengarah di dalam syarikat, baik syarikat swasta ataupun syarikat kerajaan supaya Tuan Yang di-Pertua, kita ini dua Penggal dalam Public Accounts Committee (Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara), misal kata syarikat-syarikat yang dimiliki oleh kerajaan 100%, kadang-kadang dari segi pentadbiran tidak begitu cekap, mungkin Ahli-ahli Lembaga Pengarah terlalu sibuk. Adakah kita menghadkan seseorang Ahli Lembaga Pengarah tidak boleh memegang jawatan dalam 50, 60 syarikat ataupun had maksimum seseorang dapat memegang jawatan 5, 6 Pengarah, the post of directorship di dalam syarikat. Bilakah kita dapat mengadakan satu peraturan seperti ini supaya kita dapat meninggikan kecekapan tentang pentadbiran syarikat masing-masing. Perkara ini saudara dari Tambun tadi sudah menyentuh dan saya bersetuju minta pendapat daripada kementerian. Mengenai satu isu iaitu Fasal 4 yang bertujuan meminda Seksyen 139 Akta untuk membolehkan Setiausaha syarikat mengosongkan jawatannya jika tiada seorang pun Pengarah boleh dihubungi. Saya bersetuju, Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini banyak syarikat, dengan izin, dormant companies, ada kemungkinan besar mungkin pengarah-pengarah sukar untuk dihubungi.

Ini satu perkembangan ataupun langkah yang baik dan bijak. Yang penting di sini ialah saya ingin bertanya bila manakah Setiausaha dapat meletakkan jawatan sekiranya selama tiga, empat, lima tahun bagi setiausaha syarikat yang tertentu dan kita berharap dari segi pelaksanaan ini dapat dijalankan dan dikawalkan. Kita juga berharap dengan adanya kuasa seperti ini

diberi kepada setiausaha syarikat, kita berharap banyak syarikat yang dormant di dalam negara kita ini yang sudah ditubuh, mungkin dapat dibubarkan.

Saya juga ingin menyentuh iaitu mengenai Fasal 7 yang bertujuan meminda subseksyen 174(2) Akta untuk menghendaki juruaudit menyatakan dalam laporannya sama ada akaun atau akaun disatukan, dan seterusnya. Saya tidak ingin menyentuh dengan panjang lebar tentang perkara ini, seperti yang saya katakan lagi apa yang disentuh oleh rakan saya dari Tambun tadi, saya juga ingin supaya kementerian dapat menjelaskan dengan terperinci khususnya peranan juruaudit ini dalam syarikat begitu penting memandangkan keadaan sekarang, misal kata, kegawatan ekonomi kita sudah difahamkan setakat 9 bulan lebih 400 syarikat yang menghadapi masalah. Tetapi sekiranya syarikat-syarikat tertentu pada masa-masa dahulu menjalankan kegiatan memperoleh keuntungan, saya rasa dalam masa 9 bulan, dengan izin, in a matter of nine months, how can they go down under. Ini terpulanglah kepada juruaudit yang mengauditkan akaun-akaun syarikat yang tertentu selama ini

Oleh kerana itu, saya ingin bertanya kepada kementerian atau Timbalan Menteri bagaimana misal kata sekiranya syarikat-syarikat tertentu yang menghadapi masalah, peranan ataupun tanggungjawab juruaudit pada masa dahulu, berkenaan dengan perkara ini oleh kerana kalau syarikat-syarikat tertentu adalah syarikat gergasi, syarikat public-listed company, memang ada pemegang-pemegang saham orang awam. Adakah tanggungjawab juruaudit boleh dibawa ke mahkamah, misal kata. Ini satu perkara yang penting dan kita berharap di dalam keadaan kita menghadapi banyak masalah, khususnya mentadbir syarikat di dalam kegawatan ekonomi ini, peranan juruaudit ini begitu penting.

Akhir sekali, ini untuk maklumat sahaja oleh kerana saya rasa di dalam dua penggal ini, Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini, Akta Syarikat 1965 banyak kali dipinda. Satu kepujian kepada kementerian berapa kali ini

dipinda, bagaimana pindaan yang sudah di masa yang lalu dapat berjalan lancar ataupun dapat dilaksanakan. Ini satu maklumat saya rasa dengan izin, how many times, hundred times, twenty times, twenty five times supaya kita faham setakat ini ada saya mendengar, salah seorang kawan saya, Tuan Yang di-Pertua, mengatakan dengan izin, I have lost track of the amendment of this Company Act 1965. Oleh kerana itu, saya ingin bertanya bagaimanakah dari segi pelaksanaan pindaan yang kita luluskan pada masa yang lalu, ada yang menghadapi masalah ataupun tidak?

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Mentakab.

6.11 ptg.

Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan suatu akta untuk meminda Akta Syarikat 1965. Saya ingin menyuarakan sokongan saya terhadap pindaan Akta 1965 untuk membolehkan dokumen yang dikehendaki di bawah akta difailkan secara elektronik dengan pendaftar.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya pindaan ini adalah selaras dengan pembangunan IT, pembangunan MSC di negara kita dan ini juga selaras dengan usaha kerajaan untuk memperkenalkan Electronic Government System. Namun demikian, saya berpendapat ada tiga perkara yang perlu diberi perhatian berkenaan dengan sistem penyimpanan dokumen secara elektronik.

Pertama, kita mesti sedari bahawa tujuan mengadakan sistem penyimpanan dokumen secara elektronik bukan cuma semata-mata sebagai satu fesyen sebab kita ada melibatkan dalam penggunaan komputer tetapi sistem ini sebenarnya ada lain-lain manfaat yang amat penting dalam memperbaiki pengurusan kita. Khususnya, dengan adanya dokumen-dokumen dalam elektronik ia akan membolehkan dan memudahkan kita membuat analisa

angka-angka yang tercatat dalam dokumen daripada berbagai sudut seperti kalau kita hendak satu angka atau satu analisa daripada sudut modal-modal yang dibayar oleh syarikat-syarikat atau kita hendak kategorikan syarikat-syarikat yang ditubuhkan mengikut sektor-sektor, maka mengadakan data-data dalam sistem elektronik ia akan memudahkan kita bekerja menganalisa.

Jadi, saya berpendapat pada peringkat awal pelaksanaan sistem ini kita perlu mengkaji dengan lebih teliti cara kita hendak syarikat-syarikat kemukakan angka-angka tersebut. Ini termasuk reka bentuk borang-borang yang perlu diisikan, kita perlu kaji daripada peringkat awal sebelum kita melaksanakan sistem penyimpanan elektronik supaya angka-angka yang dikutip akan memudahkan analisa tersebut dijalankan.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, dalam sistem penyimpanan elektronik ini amat penting kita memikir bagaimana kita dapat memastikan kesahihan sesuatu dokumen yang difailkan secara elektronik. Ini adalah untuk mengelakkan sesuatu situasi di mana dokumen palsu yang telah difailkan oleh mereka yang tidak diberi kuasa dan juga kita kena fikir bagaimana kita boleh mengelakkan kemungkinan berlaku pencerobohan kepada sistem-sistem komputer yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, jadi soalan siapa yang akan diberi kuasa untuk memfailkan dokumen secara elektronik dan siapa akan diberi kuasa untuk mengubah apa-apa dokumen yang telah difailkan perlu dijelaskan. Di sini, saya ingin meminta sedikit penjelasan tentang mekanisme pelaksanaan sistem ini sama ada setiausaha syarikat sekarang akan diberi kuasa atau syarikat-syarikat sendiri akan diberi kuasa untuk memfailkan dokumen tersebut dan sama ada satu akta khas akan dibentangkan dalam Parlimen ini untuk pelaksanaan sistem ini.

Tuan Yang di-Pertua, ketiga atau perkara akhir yang saya ingin sentuh ialah kita semua sedari bahawa dokumen-dokumen dan butir-butir syarikat adalah maklumat yang amat penting dan maklumat yang sentiasa dicari oleh

orang ramai dan pelabur-pelabur. Jadi, dengan adanya sistem ini walaupun dokumen telah difailkan secara elektronik tetapi kalau orang ramai dan pelabur tidak mempunyai akses yang mudah untuk mendapati maklumat-maklumat tersebut maka ia akan bertentangan dengan tujuan asal mengemaskinikan dokumen-dokumen tersebut.

Jadi, saya ingin mencadangkan pihak ROC memperkenalkan sistem on-line kepada orang awam dan kepada sesiapa yang berminat supaya mereka dengan mudah boleh meng'access' apa-apa dokumen dan maklumat yang tersimpan dengan Pendaftar Syarikat. Kita dapati masa kini tempoh masa untuk seseorang yang ingin mendaftarkan syarikat mengambil masa kadang-kadang sehingga satu bulan untuk mendaftar sesuatu syarikat, misalnya untuk mencari nama, merizabkan nama, ia mungkin mengambil masa satu hingga dua minggu dan lain-lain prosedur juga mengambil masa sehingga sebulan untuk mendaftar satu syarikat. Dalam masa yang kompetitif ini, saya berpendapat masa satu bulan adalah terlalu panjang. Jadi, adalah harapan saya dengan sistem penyimpanan elektronik ini ia akan mengemaskini sistem pentadbiran dokumentasi di Pendaftar Syarikat dan seterusnya akan mempertingkatkan mutu perkhidmatan kepada orang ramai.

Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Teluk Intan, Yang Berhormat boleh berucap dalam masa 9 minit, boleh atau tidak?

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, saya cuba habiskan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya akan meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab selepas ini.

6.20 ptg.

Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin mula membahaskan mengenai Akta Syarikat yang ingin dipinda.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini selepas perkembangan ekonomi di negara ini kebanyakan tempat-tempat telah disediakan untuk bermain golf di seluruh negara sebagai swasta dan syarikat-syarikat yang telah menyediakan tempat-tempat bermain golf atau lain-lain arena adalah di bawah kawal selia Pendaftar Syarikat iaitu, dengan izin, saya baca, Tuan Yang di-Pertua, *“Policy guidelines and requirements for sale of club memberships”*.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun adalah dikawal selia oleh Pendaftar Syarikat akan tetapi saya difahamkan dan saya sendiri telah menerima beberapa aduan mengatakan bahawa syarikat-syarikat yang pada mulanya telah menjual keahliannya (membership) ada yang mula menjual dengan harga RM20,000, RM30,000, RM50,000, RM100,000 dan RM150,000 di negara ini, ramai rakyat Malaysia yang ada kebolehan telah membeli keahlian ini yang dikatakan dalam bahasa Inggeris, *‘transferable membership’*, akan tetapi yang menjadi masalah adalah selepas pembelian keahlian ini prospektus pada masa itu diberi dari segi undang-undang. Bila ia diberi dikatakan ada beberapa perkara yang akan dilakukan, yang dikatakan development seperti club house.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin memberitahu walaupun saya tidak ada kepentingan tetapi saya ingin membawa perhatian kepada Tuan Yang di-Pertua, kepada Peraturan Mesyuarat 35(6) iaitu:

“Seseorang Ahli tidak boleh bercakap berkenaan dengan apa-apa perkara yang ada dalamnya faedah kewangan yang tetap bagi dirinya atau jika tidak diterangkan sebanyak mana faedah bagi dirinya dalam perkara itu”.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri tiga tahun dahulu saya rasa telah tertipu, telah membeli satu keahlian dengan harga RM21,000 di Merine Valley Resort di Ipoh. Bila saya ditunjukkan tempat di mana bermain golf ini saya sangat tertarik hati, 36 hole - sangat cantik dan saya diberitahu oleh Manager

tersebut bahawa club house akan berada di sini, swimming pool di sini, di sini kamu boleh nampak you punya girlfriend atau wife akan berenang, di sini you boleh nampak kawan you datang, di sini tennis court dan sebagainya.

Ini telah diberitahu kepada saya sendiri. Selepas saya telah membeli lebih tiga tahun hingga hari ini club house tidak disediakan, tidak ada swimming pool, tidak ada tennis court, tidak ada badminton court hanya ada kelab golf sahaja dan itu pun ada beberapa masalah.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini seramai 45 orang telah membawa perkara ini kepada Pendaftar Syarikat lebih satu tahun dahulu akan tetapi tindakan tidak diambil langsung. Selepas itu perkara itu telah dirujuk kepada, dengan izin, Perak Consumers Association (Persatuan Pengguna-pengguna Perak).

Tuan Yang di-Pertua, mereka telah menulis sepucuk surat kepada Kelab Golf Darul Ridzuan, di antara aduan-aduannya, dengan izin, adalah:

- “(i) They are conspeakers and substantial alteration in the statement issued under Section 90 of the Companies Act 1965.*
- (ii) Acompletion of the promised club house is long overdue, should have been completed by July 1995;*
- (iii) Tennis court and swimming pool are yet to be made available to the members;*
- (iv) International individual members were granted exemption from payment of monthly subscription. This arrangement was mutually agreed between the developer and the international individual members. This is evidence by the fact that they did not make any monthly subscription dues until very recently. The levy of 2% charge of an overdue payment is too high and unwarranted.”*

Tuan Yang di-Pertua, selepas aduan telah dibuat kepada syarikat tersebut, jawapannya adalah satu jawapan yang tidak munasabah langsung. Jawapannya adalah berbunyi macam ini:

“We have 1,442 members including property owners, we understand that only 40 members complaint to the Perak Consumers Association, that means that the remaining 1,402 members are happy or at least not unhappy.”

Tuan Yang di-Pertua, I am one of the one not happy at all but I did not lodge a complaint with them.

“Kelab Golf Darul Ridzuan is a proprietary club and we are a public company, that club prospectus including amendment are subject to a approval of the Registrar of Companies”.

Selepas itu dia katakan: *“We have always felt that the role of the Consumers Association is to protect the interest of the innocent and unsuspecting public from the action of unscrupulous traders, manufacturers and/or others camp and who may have financial or other difficulties seeking redress. We respectively suggest that your association should not waste time on the problem of the rich and privilege few forty who obviously have their own agenda. We are writing to you directly as a President of the PCA and I prefer that this matter will refer to the court for further action.”*

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan ini saya difahamkan bukan sahaja di Kelab Golf Darul Ridzuan di Perak, saya difahamkan kebanyakan kelab-kelab golf di Malaysia yang tidak menyediakan beberapa fasiliti yang mereka telah janjikan. Jadi, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapakah syarikat-syarikat yang telah diwujudkan di bawah Akta Syarikat di mana kelab-kelab golf adalah di bawah kawal selia mereka dan siapakah yang ada pakar-pakar tertentu yang menyemak pergi mengambil tindakan dalam perkara ini.

Dalam kes-kes seperti ini apakah tindakan yang telah diambil. Selain dari itu, adakah kementerian akan mengarahkan kelab-kelab golf ini tidak akan mengutip yuran bulanan seperti di Kelab Golf Darul Ridzuan, mereka mengutip lebih kurang RM63 setiap bulan tanpa gagal tetapi fasilitinya tidak ada untuk lebih tiga tahun, saya difahamkan lebih sepuluh tahun setelah diwujudkan kelab ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu di sana juga mereka telah menyeleweng, dengan izin, has overcome the meaning and the intention of the Housing Developers Act. Housing developers means to develop or construct golf course, to be constructed in any manner more than four units of housing accomodation.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kes ini di Kelab Golf, Ipoh ini beberapa tempat telah dikatakan adalah housing unit, mereka tidak mendapat apa-apa kelulusan dari pihak-pihak berkenaan dan saya percaya oleh kerana mereka telah berdaftar di bawah Akta Syarikat, mereka telah mengambil alih kuasa ini dan menjalankan perniagaan sebagai housing developers. Dengan izin, saya baca aduan yang telah dibuat oleh 450 orang di kelab tersebut, dengan izin, he

said: *“He had written to the Bonanza Group management following complaint from buyers and was told to seek redress from the court. It is very disappointing to receive such a reply, he told a press conference at the association’s office today”*

Encik Abdul Rahman who is the President of the Consumers Association of Perak said further: *“.... some of the 400 people who have complaint to him said that some of them had paid almost 95% of the cost of the lots price at between RM120,000 to RM150,000 each depending on the land size. Merine Valley Resort Berhad sold the property to a new company, Bonanza Group recently”.*

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan ini adalah pengetahuan saya sendiri, Merine Valley Resort di mana lebih 250 lot telah dijual, akan tetapi hingga hari ini geran-geran tanah belum dikeluarkan. Ada dikebanyakan pembeli-pembeli keahlian telah membayar penuh di antara RM120,000 ke-RM150,000, akan tetapi tidak ada apa-apa tindakan yang telah diambil oleh Pendaftar Syarikat.

Jadi, saya ingin tahu apakah tindakan yang akan diambil dan apakah guarantee yang akan diberi kepada semua pihak yang telah membeli saham seperti ini dan apakah polisi yang sedia ada dalam perkara semacam ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, saya ingin juga bercakap mengenai tanggungjawab amanah

Tuan Yang di-Pertua: Sudah cukuplah Yang Berhormat, sudah cukuplah. Saya hendak minta

Tuan M. Kulasegaran: Sedikit lagi!

Tuan Yang di-Pertua: Jikalau sedikit lagi sudah tidak cukup masa Yang Berhormat, kita telah berbahas satu hari suntuk di atas satu perkara sahaja. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.29 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan rang undang-undang ini iaitu Rang Undang-undang untuk meminda Akta Syarikat 1965.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta sambung pada hari Rabu 29 April 1998. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga hari Rabu pukul 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.